

SIKAP, NORMA SUBJEKTIF DAN PERSEPSI MENGAMALKAN ADAB
BELAJAR DALAM PELAKSANAAN LATIHAN HIJRAH PELAJAR
SEKOLAH BERASRAMA PENUH

NORLIA BINTI HARUN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SIKAP, NORMA SUBJEKTIF DAN PERSEPSI MENGAMALKAN ADAB
BELAJAR DALAM PELAKSANAAN LATIHAN HIJRAH PELAJAR
SEKOLAH BERASRAMA PENUH

NORLIA BINTI HARUN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Bimbingan Dan Kaunseling)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2017

DEDIKASI

Sekalung penghargaan buat

Ibu bapa yang dikasihi sumber kekuatan diri

Harun Bin Abbas dan Ramlah Binti Sulaiman

Suami dan anak tersayang sumber inspirasi

Zulkifli Bin Abdul Fatah dan Lily Ryhanee Binti Zulkifli

Adik beradik, keluarga dan saudara mara yang diingati

Sahabat penguat semangat

Kak Mastura, Kak Faziah, Farrah Syuhaida, Kak Zieha, Kak Tipah Dan Kak Rosma

Terima kasih atas kesabaran, kefahaman, doa dan dorongan yang telah diberikan.

Kasih sayang dan doaku sentiasa mengiringi kalian.

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi dengan rahmat dan pertolonganNya, saya dapat menyiapkan tesis ini. Semoga hasil penulisan ini dapat menyumbang sedikit sebanyak dalam usaha membantu pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh meningkatkan amalan adab belajar ke arah pencapaian yang lebih gemilang.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, PM Dr Faizah bte Abd Ghani di atas kesabaran dan keikhlasannya mendidik dan membimbing saya sehingga siapnya tesis ini. Tunjuk ajar yang telah diberi menjadikan saya lebih menghargai ilmu pengetahuan.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Dan Kluster Kecemerlangan kerana telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan di semua Sekolah Berasrama Penuh di Johor.

Berbanyak terima kasih turut ditujukan kepada PM Dr Azlina Kosnin, PM Dr Jamaludin Ahmad, Dr Mastura Mahfar, Dr Mazlan Aris, Dr Farahwahida Mohd Yusof, Dr Rahimi Che Aman, Dr Zakiah Mohamad Ashari dan semua pensyarah yang terlibat membantu memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang berguna kepada saya semasa menyiapkan tesis ini.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada warga Sekolah Berasrama Penuh yang telah membantu saya menjayakan kajian ini iaitu Tn Hj Khairudin bin Sapar, Pn Hjh Noorazianah bte Mohamed, Pn Norlizah binti Ithnean, Pn Masitaah binti Ehsan, En Mohd Azman bin Abd Hamid, En Faiz bin Yusof, En Mohamed Adzimi bin M. Ghazi, Pn Norsyazwani binti Jasman, Pn Nuraimi binti Abdullah, Pn Salina binti Juhari, Pn Nursuriany binti Mohd Zahir serta rakan-rakan lain yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung.

Semoga Allah SWT mempermudah urusan kalian semua.

ABSTRAK

Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dikenali sebagai sekolah yang menempatkan pelajar-pelajar berprestasi tinggi dan cemerlang; namun, terdapat juga pelajar yang berprestasi rendah kerana mempunyai sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan yang negatif terhadap amalan adab belajar. Kajian kes ini dijalankan bertujuan untuk menilai kesesuaian Latihan Hijrah dalam membantu pelajar-pelajar berprestasi rendah meningkatkan kefahaman, sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan kepada lebih positif bagi mengamalkan adab belajar. Kajian ini melibatkan enam orang pelajar SBP berprestasi rendah yang dipilih secara persampelan bertujuan. Kesemua pelajar terpilih perlu menjalani Latihan Hijrah secara bimbingan kelompok sebelum pengumpulan data dilakukan melalui temu bual, borang pemerhatian dan Soal Selidik Amalan Belajar. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa pelajar tersebut mengalami perubahan yang positif dari segi kefahaman, sikap, norma subjektif, persepsi kawalan dan tingkah laku amalan adab belajar setelah mengikuti Latihan Hijrah. Perubahan tingkah laku amalan adab belajar turut dilihat melalui hasil pemerhatian. Dapatan ini disokong dengan hasil ujian pra dan pos menggunakan Soal Selidik Amalan Belajar yang menunjukkan peningkatan skor markah setelah pelajar mengikuti Latihan Hijrah. Justeru, dapatan ini membuktikan bahawa Latihan Hijrah sesuai digunakan bagi membantu pelajar yang berprestasi rendah dalam meningkatkan kefahaman, sikap, norma subjektif, persepsi kawalan serta tingkah laku bagi mengamalkan adab belajar. Diharapkan Latihan Hijrah dapat dilaksanakan secara menyeluruh di semua SBP sebagai usaha untuk membantu pelajar berprestasi rendah mengubah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan bagi mengamalkan adab belajar ke arah pencapaian cemerlang.

ABSTRACT

Fully Residential Schools (SBP) are well known for their high achievers and brilliant students; nonetheless, there are also SBP students who are low achievers due to their negative attitude, subjective norms and perceptual control towards learning practices. This case study was conducted to evaluate the suitability of *Latihan Hijrah* in helping low achievers improve their understanding, attitude, subjective norms and perceptual control towards achieving a more positive learning practice. This study involved six SBP low achieving students who were selected using purposive sampling. The students needed to undergo *Latihan Hijrah* in a form of group guidance before data were collected through interview, observation forms and Learning Practice Questionnaire. The findings of the interview show that the students experienced positive changes in terms of understanding, attitude, subjective norms, perceptual behavioural control and behaviours towards learning practices after they underwent *Latihan Hijrah*. This behavioural changes are also seen through observation results. These findings are supported by pre and post test results using the Learning Practice Questionnaires which show an increased score after the students followed *Latihan Hijrah*. Hence, this finding proved that *Latihan Hijrah* is suitable to be used in helping low achievers students improve their understanding, attitude, subjective norms, perceptual and behavioural control for learning practices. *Latihan Hijrah* is expected to be fully conducted in all SBPs to help low achievers to change their attitude, subjective norms, and perceptual control for learning practices towards excellent achievements.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Kerangka Teori Kajian	14
	1.7 Kerangka Konsep Kajian	18
	1.8 Rasional Kajian	22
	1.9 Kepentingan Kajian	23
	1.9.1 Pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah	23
	1.9.2 Guru Bimbingan Dan Kaunseling SBP	24

	1.9.3 Bahagian Pengurusan SBP (Kementerian Pelajaran Malaysia)	24
1.10	Batasan Kajian	25
1.11	Definisi Istilah	26
	1.11.1 Sikap	26
	1.11.2 Norma Subjektif	26
	1.11.3 Persepsi Kawalan	27
	1.11.4 Amalan Adab Belajar	28
	1.11.5 Latihan Hijrah	32
	1.11.6 Pelajar Sekolah Berasrama Penuh	33
1.12	Kesimpulan	33
2	KAJIAN LITERATUR	34
2.1	Pengenalan	34
2.2	Punca Pelajar SBP Berpencapaian Rendah	34
2.3	Teori Berkaitan Perubahan Tingkah Laku	36
	2.3.1 Teori Perancangan Tingkah Laku (Ajzen, 1991)	38
	2.3.1.1 Sikap Terhadap Tingkah Laku	39
	2.3.1.2 Norma Subjektif	40
	2.3.1.3 Persepsi Kawalan Tingkah Laku	41
	2.3.1.4 Niat Tingkah Laku	42
2.4	Justifikasi Pemilihan Teori Perancangan Tingkah Laku (Ajzen, 1991)	42
2.5	Adab Belajar Menurut Perspektif Islam	44
	2.5.1 Adab Belajar Imam Syafie	44
	2.5.2 Adab Belajar Imam al Ghazali	47
2.6	Justifikasi Pemilihan Adab Belajar Imam Syafie Dan Imam al Ghazali	51
2.7	Kajian-Kajian Lepas	53
	2.7.1 Kajian Berkaitan Dengan Sikap Pelajar-Pelajar Berpencapaian Rendah	53
	2.7.2 Kajian Berkaitan Dengan Norma Subjektif	57
	2.7.3 Kajian Berkaitan Dengan Persepsi Kawalan	59

	2.7.4	Kajian Berkaitan Intervensi Bagi Perubahan Sikap, Norma Subjektif Dan Persepsi Kawalan Tingkah Laku	59
	2.8	Kesimpulan	64
3		METODOLOGI KAJIAN	65
	3.1	Pengenalan	65
	3.2	Reka Bentuk Kajian	65
	3.3	Persampelan	66
	3.3.1	Dapatan Ujian Pra Bagi Memilih Sampel Kajian Kes	68
	3.4	Instrumen Kajian	71
	3.4.1	Soal Selidik Amalan Belajar	72
		3.4.1.1 Kesahan Soal Selidik Amalan Belajar	74
		3.4.1.2 Kebolehpercayaan Soal Selidik Amalan Belajar	77
	3.4.2	Temu Bual	88
	3.4.3	Pemerhatian	90
	3.4.4	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Temu Bual Dan Pemerhatian	92
	3.5	Pembangunan Latihan Hijrah Berdasarkan Model ADDIE	95
	3.6	Fasa Kajian	107
	3.7	Pengumpulan Dan Analisis Data	109
	3.7.1	Analisis Data Temu Bual	110
	3.7.2	Analisis Data Pemerhatian	111
	3.7.3	Analisis Data Ujian Pra dan Pos	111
	3.8	Penutup	112
4		DAPATAN KAJIAN	113
	4.1	Pengenalan	113
	4.2	Dapatan Temu Bual	114
	4.2.1	Peningkatan Kefahaman	114
		4.2.1.1 Peningkatan Kefahaman Tentang Adab Belajar Menjaga Pemakanan	114

4.2.1.2	Peningkatan Kefahaman Tentang Adab Belajar Mengelak Perbuatan Maksiat	115
4.2.1.3	Peningkatan Kefahaman Tentang Adab Belajar Menjaga Batas Pergaulan	116
4.2.1.4	Peningkatan Kefahaman Tentang Adab Belajar Belajar Bersungguh-Sungguh	117
4.2.1.5	Peningkatan Kefahaman Tentang Adab Belajar Menghormati Guru	119
4.2.1.6	Peningkatan Kefahaman Tentang Adab Belajar Mencatat Nota	120
4.2.1.7	Peningkatan Kefahaman Tentang Adab Belajar Amal Ilmu	121
4.2.2	Perubahan Sikap Terhadap Amalan Adab Belajar	122
4.2.3	Perubahan Norma Subjektif Mengamalkan Adab Belajar	123
4.2.4	Perubahan Persepsi Kawalan Bagi Mengamalkan Adab Belajar	125
4.2.5	Perubahan Tingkah Laku Amalan Adab Belajar	126
4.2.5.1	Perubahan Tingkah Laku Amalan Menjaga Pemakanan	127
4.2.5.2	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amalan Mengelak Perbuatan Maksiat	128
4.2.5.3	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amalan Menjaga Batas Pergaulan	130
4.2.5.4	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amalan Belajar Bersungguh-Sungguh	131
4.2.5.5	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amalan Menghormati Guru	132
4.2.5.6	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amalan Mencatat Nota	134

	4.2.5.7 Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Mengamalkan Ilmu	135
4.3	Dapatan Pemerhatian	136
4.4	Dapatan Ujian Pra dan Pos	142
4.5	Triangulasi Data	144
4.6	Kesimpulan	147
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	149
5.1	Pengenalan	149
5.2	Rumusan Dapatan	150
5.3	Perbincangan	151
5.3.1	Penilaian Pelajar Terhadap Kesesuaian Latihan Hijrah Dalam Membantu Mereka Meningkatkan Kefahaman Tentang Amalan Adab Belajar	152
5.3.2	Penilaian Pelajar Terhadap Kesesuaian Latihan Hijrah Dalam Membantu Mereka Berubah Sikap Kepada Lebih Positif Dalam Mengamalkan Adab Belajar	156
5.3.3	Penilaian Pelajar Terhadap Kesesuaian Latihan Hijrah Dalam Membantu Mereka Berubah Norma Subjektif Kepada Lebih Positif Dalam Mengamalkan Adab Belajar	158
5.3.4	Penilaian Pelajar Terhadap Kesesuaian Latihan Hijrah Dalam Membantu Mereka Berubah Persepsi Kawalan Kepada Lebih Positif Dalam Mengamalkan Adab Belajar	160
5.3.5	Penilaian Pelajar Terhadap Kesesuaian Latihan Hijrah Dalam Membantu Mereka Berubah Tingkah Laku Kepada Lebih Positif Dalam Mengamalkan Adab Belajar	163
5.4	Kesimpulan Perbincangan	168
5.5	Implikasi Kajian	169
5.5.1	Implikasi Kepada Bahagian Pengurusan SBP	169

5.5.2	Implikasi Kepada Kaunselor SBP	170
5.5.3	Implikasi Kepada Pelajar SBP	170
5.5.4	Implikasi Kepada Pengkaji Lain	171
5.6	Limitasi Kajian	171
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	172
5.8	Penutup	174
RUJUKAN		176
Lampiran A - Q		188-222

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Rumusan Keseluruhan SPM Perbandingan 6 Tahun	5
1.2	Rekod Pencapaian Akademik dan Sambung Belajar Selepas SPM	5
3.1	Jumlah Pelajar Yang Menjalani Soal Selidik Amalan Belajar	67
3.2	Julat Skor Min	69
3.3	Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Sikap, Norma Subjektif Dan Persepsi Kawalan Mengamalkan Adab Belajar	70
3.4	Jumlah Skor Dan Min Sikap, Norma Subjektif Dan Persepsi Kawalan Bagi Mengamalkan Adab Belajar Responden Kajian Kes	71
3.5	Item Soal Selidik Amalan Belajar	74
3.6	Keputusan Pencapaian Kesahan Kandungan	76
3.7	Kebolehpercayaan Tahap Persetujuan Item Soal Selidik Amalan Belajar	78
3.8	Kebolehpercayaan Tahap Persetujuan Individu Soal Selidik Amalan Belajar	78
3.9	Kebolehpercayaan Item 7 Sub Konstruk Soal Selidik Amalan Belajar	80
3.10	Kalibrasi Struktur Skala Pemeringkatan	82
3.11	Polariti Item 7 Sub Konstruk Soal Selidik Amalan Belajar	83
3.12	Ketidaksepadanan Item 7 Sub Konstruk Soal Selidik Amalan Belajar	85
3.13	Rumusan Analisis Konstruk Soal Selidik Amalan Belajar	85

3.14	Rumusan Analisis Konstruk Soal Selidik Amalan Belajar Dengan No Item Yang Baru	86
3.15	Keputusan Analisis Uji dan Uji Semula	87
3.16	Maklum Balas Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Set Protokol Temu Bual	92
3.17	Langkah dan Tindakan dalam Model ADDIE	96
3.18	Fasa Pembangunan Latihan Hijrah	97
3.19	Isi Kandungan Dan Reka Bentuk Latihan Hijrah	99
3.20	Senarai Bahan Bantu Latihan Hijrah	101
3.21	Kesahan Kandungan Latihan Hijrah	103
3.22	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Latihan Hijrah	104
3.23	Ringkasan Panduan Pelaksanaan Latihan Hijrah	105
3.24	Fasa Pelaksanaan Kajian	108
3.25	Analisis Data Kajian	109
4.1	Maklum Balas Berkaitan Penjagaan Makanan	115
4.2	Maklum Balas Berkaitan Mengelak Perbuatan Maksiat	116
4.3	Maklum Balas Berkaitan Menjaga Batas Pergaulan	117
4.4	Maklum Balas Berkaitan Belajar Bersungguh-Sungguh	118
4.5	Maklum Balas Berkaitan Hormat Guru	119
4.6	Maklum Balas Berkaitan Mencatat Nota	120
4.7	Maklum Balas Berkaitan Amal Ilmu	121
4.8	Maklum Balas Berkaitan Sikap Terhadap Amalan Adab Belajar	122
4.9	Maklum Balas Berkaitan Norma Subjektif Amalan Adab Belajar	124
4.10	Maklum Balas Berkaitan Persepsi Kawalan Bagi Mengamalkan Adab Belajar	125
4.11	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amalan Menjaga Pemakanan	127
4.12	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amalan Mengelak Perbuatan Maksiat	129
4.13	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amalan Menjaga Batas Pergaulan	130

4.14	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amalan Belajar Bersungguh-Sungguh	131
4.15	Maklum Balas Tentang Perubahan Tingkah Laku Amalan Hormat Guru	133
4.16	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amalan Mencatat Nota	134
4.17	Maklum Balas Berkaitan Perubahan Tingkah Laku Amal Ilmu	136
4.18	Analisis Data Pemerhatian Guru Terhadap Kekerapan Tingkah Laku Amalan Adab Belajar Pelajar-Pelajar Sebelum Dan Selepas Latihan Hijrah	140
4.19	Skor Markah Ujian Pra Dan Pos Latihan Hijrah	143
4.20	Triangulasi Data Temu Bual, Pemerhatian Dan Ujian Pra Dan Pos	144

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	18
1.2	Kerangka Konsep Kajian	21
2.1	Teori Perancangan Tingkah Laku oleh Ajzen (1991)	39
3.2	Persilangan Struktur Pengukuran Skala Pemeringkatan	82
3.3	Model ADDIE	95

SENARAI SINGKATAN

SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
PT3	-	Penilaian Tingkatan 3
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Soal Selidik Amalan Belajar	188
B	Protokol Temu Bual	193
C	Borang Pemerhatian	194
D	Maklum Balas Pemerhati	196
E	Surat Lantikan Pakar Kesahan Kandungan Latihan Hijrah	197
F	Surat Lantikan Pakar Kesahan Kandungan Soal Selidik Amalan Belajar	198
G	Surat Lantikan Pakar Bahasa	199
H	Maklum Balas Pakar Soal Selidik Amalan Belajar	200
I	Surat Lantikan Pakar Kesahan Protokol Temu Bual	201
J	Maklum Balas Pakar Kesahan Protokol Temu Bual	202
K	Transkrip Temu Bual	203
L	Surat Kelulusan Daripada EPRD	209
M	Surat kelulusan Daripada SBP	210
N	Maklum Balas Kesahan Kandungan Latihan Hijrah	211
O	Soal Selidik Kebolehpercayaan Latihan Hijrah	212
P	Surat Lantikan Penilai Tatacara Pelaksanaan Latihan Hijrah	221
Q	Maklum Balas Penilai Tatacara Pelaksanaan Latihan Hijrah	222

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada era globalisasi ini, pendidikan merupakan faktor penting dalam menentukan kemajuan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Melalui sistem pendidikan yang berkesan, negara mampu melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tinggi, bertanggungjawab, mempunyai akhlak dan moral yang baik serta memiliki emosi dan pemikiran yang lebih matang dalam memainkan peranan bagi menyumbang kepada kemajuan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012 dan Ahmad Syukri dan Rosman, 2003).

Kini, seiring dengan pembangunan negara dan cabaran di peringkat global, Malaysia telah menambahbaik sistem pendidikan dengan melakukan transformasi pendidikan bagi melahirkan generasi muda yang mampu berdepan dengan cabaran alaf ke-21 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Transformasi pendidikan Malaysia dilaksanakan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan mensasarkan enam aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Selaras dengan itu, Dasar Pendidikan Kebangsaan turut digubal bagi memastikan hasrat PPPM 2013-2025 tercapai (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Salah satu daripada dasar pendidikan tersebut adalah pelaksanaan Sekolah

Berasrama Penuh (SBP) yang bermatlamat untuk menjadi wadah terbaik dalam menjana insan yang mempunyai kecemerlangan ilmu, kemapanan sahsiah, kesejagatan kepemimpinan dan kejituan patriotisme bagi melahirkan ahli sains, teknokrat dan professional yang dapat memenuhi aspirasi negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Sekolah Berasrama Penuh (SBP) merupakan sekolah menengah aliran perdana di bawah kendalian Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2016). Pelajar-pelajarnya terdiri daripada pelajar-pelajar terpilih seluruh Malaysia yang mempunyai kriteria seperti warganegara Malaysia, bersekolah di sekolah kerajaan, cemerlang akademik (Ujian Penilaian Sekolah Rendah: 5A, Penilaian Menengah Rendah: 8A, Pentaksiran Tingkatan 3: minimum 6A) dan aktif kokurikulum (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Dasar penubuhan SBP adalah untuk memastikan lebih daripada 70 peratus pelajar bumiputera dari luar bandar yang kurang berkemampuan dan berpotensi dalam akademik mendapat pendidikan yang lebih sempurna dengan menikmati kemudahan dan iklim pembelajaran yang kondusif ke arah pencapaian cemerlang (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2012).

Pelaksanaan dan pengendalian SBP menggunakan perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding sekolah-sekolah lain di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu melebihi RM100 juta bagi setiap tahun (Kementerian Kewangan Malaysia, 2011). Penambahan bilangan SBP, penambahbaikan SBP sedia ada dan penyediaan kemudahan fizikal sekolah yang lengkap dibuat adalah untuk memberi keselesaan belajar kepada pelajar-pelajar SBP (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2012). Sehingga kini, terdapat sebanyak 69 buah SBP yang telah siap dibina dan beroperasi di seluruh Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Pelaburan yang tinggi ini dibuat semata-mata untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kecemerlangan akademik, sahsiah dan berkepemimpinan agar dapat meneraju negara di masa hadapan khususnya dalam bidang sains, teknokrat dan professional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan SBP mensasarkan pencapaian 100 peratus pelajar cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kluster, 2008).

Namun begitu, keputusan SPM 2009 hingga 2014 (Unit Peperiksaan SBP, 2015) menunjukkan bahawa masih terdapat ramai pelajar SBP yang belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Berdasarkan hasil kajian lepas, pelajar SBP berprestasi rendah kerana mengamalkan amalan belajar negatif seperti kurang fokus ketika belajar, tiada nota belajar, malas membaca, makan, minum dan menguayah semasa belajar serta kurang mesra dengan guru (Ishak, 1991; Thilaga, 2004 dan Genevy, 2006). Amalan belajar yang telah diamalkan oleh pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah ini adalah bertentangan dengan amalan adab belajar menurut perspektif Islam.

Adab belajar merupakan perkara asas yang perlu dipelajari, dikuasai dan diamalkan oleh setiap pelajar sebelum mempelajari ilmu-ilmu yang lain (Muhammad Hashim Asy'ari, 2011). Imam al-Ghazali menyatakan tujuh adab belajar yang perlu diamalkan oleh seorang pelajar seperti membersihkan diri daripada akhlak tercela, mengurangkan hubungan dengan orang lain, tidak sombong kepada ilmu dan menyerahkan urusan ilmu kepada guru, jangan sampai mendengar perselisihan faham yang terjadi antara orang lain, tidak menolak ilmu-ilmu yang terpuji, mencurahkan segala kemampuan untuk belajar dan tujuan belajar adalah untuk menghiiasi batin dan mencapai keredhaan Allah SWT (Ibnu Yasin, 2012). Imam Syafie juga banyak mewariskan adab-adab belajar kepada para pelajar antaranya ialah menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaulan dan mencatat nota ('Abd Aziz, 2007). Adab belajar ini perlu diamalkan oleh setiap pelajar supaya mereka dipermudahkan urusan belajar serta mendapat ilmu yang diberkati (Tajul, Roslee dan Rahimawati, 2007).

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi satu keperluan bagi pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah untuk mengamalkan adab belajar. Adab ialah tingkah laku yang sopan yang ditunjukkan oleh seseorang dalam situasi tertentu (DBP, 2010). Dalam kajian ini, adab yang difokuskan ialah adab belajar iaitu tingkah laku sopan yang perlu ditunjukkan oleh pelajar-pelajar SBP ketika belajar. Dapatan kajian lepas oleh Ishak (1991), Thilaga (2004) dan Genevy (2006) menggambarkan bahawa pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah kurang mengamalkan adab belajar kerana menunjukkan tingkah laku yang kurang sopan ketika belajar seperti malas mengulangkaji pelajaran, tidak fokus ketika belajar, tidak bersungguh-sungguh dan kurang menghormati guru. Oleh yang demikian, tindakan perlu diambil bagi

membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah supaya mereka dapat berubah tingkah laku kepada lebih positif dalam mengamalkan adab belajar.

Sehubungan itu, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perubahan tingkah laku seseorang. Ajzen (1991) melalui Teori Perancangan Tingkah Laku menyatakan bahawa perubahan tingkah laku seseorang adalah dipengaruhi oleh niat tingkah laku dan niat tingkah laku ini adalah ditentukan oleh faktor sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku. Selain itu, Ajzen (2005) turut menyatakan bahawa perubahan tingkah laku dapat dilakukan dengan menggunakan apa jua intervensi dengan melibatkan dua peringkat perubahan iaitu peringkat perubahan sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku serta peringkat meningkatkan niat tingkah laku.

Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menyediakan intervensi yang sesuai bagi perubahan peringkat pertama berdasarkan Teori Perancangan Tingkah Laku (Ajzen, 1991) yang melibatkan faktor sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku bagi mengamalkan adab belajar dalam kalangan pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sekolah Berasrama Penuh merupakan sekolah yang sangat menekankan tentang pencapaian akademik cemerlang dalam kalangan pelajar-pelajarnya. Sekolah ini berhasrat untuk melahirkan 100 peratus pelajar cemerlang dengan keputusan semua 'A' bagi setiap subjek yang diduduki dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Bahagian Pengurusan SBP dan Sekolah Kluster, 2008). Namun begitu, sehingga kini hasrat SBP masih belum dapat direalisasikan kerana analisis keputusan SPM dari tahun 2009 hingga 2014 menunjukkan hanya kurang daripada 25 peratus calon SPM SBP yang berjaya mencapai keputusan cemerlang semua 'A' bagi semua subjek yang diduduki. Hal ini menggambarkan bahawa masih terdapat ramai lagi pelajar SBP yang belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Jadual 1.1 berikut menunjukkan

rumusan keseluruhan pencapaian pelajar SBP dalam SPM dari tahun 2009 hingga 2014:

Jadual 1.1: Rumusan Keseluruhan SPM Perbandingan 6 Tahun

Sumber: Unit Peperiksaan SBP Johor (2015)

Perkara	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Bilangan Calon	8064	8700	9044	9629	10193	10362
Gred Purata Keseluruhan	1.8151	1.8026	1.7132	1.8379	1.8054	2.0517
Pencapaian Cemerlang Semua A (%)	22.14	21.31	24.54	23.21	24.01	18.19

Dalam pada itu, analisis keputusan SPM di sebuah sekolah SBP Johor pula mendapati bahawa terdapat sebanyak 20.5 peratus pelajar yang mendapat keputusan di tahap rendah dengan PNGK kurang daripada 2.5 (Unit Peperiksaan SBP Johor, 2014). Hal ini mengakibatkan pelajar-pelajar tersebut tergutat peluang untuk mendapatkan tajaan serta tempat bagi menyambung pengajian di universiti awam dalam dan luar negara (rujuk Jadual 1.2). Walaupun terdapat banyak peluang untuk menyambung pengajian selepas SPM bagi semua lapisan pelajar mengikut pencapaian, namun adalah menjadi satu kerugian besar kepada negara apabila pelajar-pelajar SBP gagal mencapai keputusan yang cemerlang kerana pelajar-pelajar ini merupakan pelajar yang mempunyai latar belakang akademik terbaik dari seluruh Malaysia berdasarkan syarat kemasukan ke SBP (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016).

Jadual 1.2: Rekod Pencapaian Akademik dan Sambung Belajar Selepas SPM

(Unit Kaunseling SBP Johor, 2013)

Kedudukan Pelajar Dalam Tingkatan		Keputusan Akhir Tahun Tingkatan 4	Keputusan SPM 2012	Tempat Sambung Belajar
134	O	2A2B2C2D2E	5A1B3C1D	Gagal Matrikulasi & UPU-Kolej Swasta
136	Q	1A2B2C1D4E	5A1B4C	Matrikulasi
137	R	3A2B2C1D2E	6A1B1C2D	Matrikulasi
138	S	1A4C1D3E	3A2B3C1D	Gagal UPU & Matrik
140	U	1B3C2D3E	4A2B2C1E	Gagal UPU & Matrik-Kerja
141	V	3A1C1D4E	4A2B1C2D	Gagal UPU & Matrik-Kerja
142	W	2A1B1D5E	5A3C1E	Gagal UPU & Matrik-Kolej Swasta
143	X	1A1B3C2D3E	4A1B3C1D1E	Gagal UPU & Matrik-Kerja
144	Y	1B1C1D3E1G	2A4B2C1D	Gagal UPU & Matrik-Menganggur
145	Z	2A4C1D3E	4A2B2C1D1E	Gagal UPU & Matrik-Kerja

Jika ditinjau daripada aspek pencapaian akademik cemerlang dalam kalangan pelajar-pelajar yang telah berjaya, kebanyakan mereka menyatakan bahawa mereka telah berusaha bersungguh-sungguh dengan mengamalkan amalan-amalan belajar yang baik dan positif bertujuan memudahkan mereka belajar dan berjaya dengan cemerlang. Misalnya, Yeo Zhi Chao seorang pelajar dari Sekolah Menengah Sains Tunku Munawir telah berjaya memperoleh keputusan cemerlang 10A+ dalam SPM 2015. Yeo Zhi Chao menyatakan, beliau telah mengurangkan penggunaan telefon bimbit dan permainan video semata-mata untuk fokus bagi menduduki SPM. Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa untuk mencapai cita-cita, seseorang pelajar perlu mempunyai sasaran dan motivasi kerana kedua-dua faktor ini dapat mendorong pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh (Berita Harian Online, 3 Mac 2016).

Shukri Abdullah (2010) menyatakan bahawa pelajar-pelajar seharusnya mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar dan berjaya dalam peperiksaan selain perlu mempunyai matlamat yang jelas serta mempunyai keyakinan untuk berusaha tanpa cepat berputus asa. Pelajar-pelajar disarankan memilih rakan yang rajin belajar, fokus terhadap pelajaran dengan meninggalkan telefon bimbit, rancangan-rancangan televisyen yang melalaikan, menjauhkan diri daripada *cyber café*, mengelak diri daripada pengaruh luar yang negatif serta menjaga disiplin diri ketika belajar (Shukri Abdullah, 2010).

Osman Affan (2013) pula menegaskan bahawa seorang pelajar perlu membuat persediaan minda untuk menjadi pelajar cemerlang merangkumi aspek keperluan memiliki alatan belajar yang lengkap, menghapuskan segala halangan minda seperti sentiasa berfikir negatif terhadap kepentingan belajar untuk cemerlang, mengetahui gaya belajar yang sesuai dengan diri masing-masing, menghormati guru, menetapkan matlamat, membuat banyak latihan, berfikiran positif, bersedia untuk berubah, mengurus tekanan dan mempunyai kekuatan disiplin dalam belajar.

Sebenarnya, amalan belajar yang dinyatakan oleh bekas pelajar cemerlang SBP dan pakar-pakar motivasi di atas adalah sama dengan cara belajar menurut perspektif Islam yang dikenali sebagai adab belajar. Adab belajar ini diperkenal serta disampaikan oleh para ilmuan Islam terkenal seperti Imam al Ghazali, Imam Syafie dan Syeikh Az Zarnuji. Kesemua adab belajar yang dinyatakan oleh para ilmuan

Islam ini adalah dikumpulkan berdasarkan al Quran dan Sunnah. Misalnya, Imam al Ghazali menyatakan tujuh adab belajar yang perlu diamalkan oleh seorang pelajar iaitu seorang pelajar perlu membersihkan dirinya daripada akhlak yang tercela, mengurangkan hubungan dengan orang lain, tidak sombong kepada ilmu dan menyerahkan urusan ilmu kepada gurunya, jangan sampai mendengar perselisihan yang terjadi di antara orang lain, tidak menolak ilmu-ilmu yang terpuji, mencurahkan segala kemampuan untuk mempelajari ilmu terpenting iaitu ilmu akhirat serta menetapkan tujuan belajar untuk menghiasi batin dan mencapai keredhaan Allah swt.

Seterusnya, seorang lagi ulama dan ilmuan Islam terkenal yang banyak memperkatakan tentang adab belajar iaitu Imam Syafie menyatakan bahawa seorang pelajar perlu sentiasa mendengar dengan penuh konsentrasi apa yang disampaikan oleh guru, tidak mengganggu perjalanan majlis ilmu serta mempunyai niat untuk menyampaikan dan mengamalkan ilmu yang dipelajari (Khairul Ghazali, 2015). Selain itu, Imam Syafie turut mengingatkan agar para pelajar dapat sentiasa bersederhana ketika makan, menjauhkan diri daripada melakukan sebarang perkara maksiat, menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran dengan membataskan kesibukan yang lain dan menghormati guru (Abd Aziz, 2007).

Kemudian diikuti dengan Sheikh Az Zarnuji yang juga merupakan ilmuan Islam terkenal telah menyenaraikan banyak adab belajar yang perlu diamalkan oleh para pelajar menerusi kitabnya *Taalim Al-Mutaallim Thariqa At-Taallum*. Di antara saranan beliau berkaitan adab belajar seorang pelajar ialah menetapkan niat yang betul ketika belajar, memilih rakan yang baik, memuliakan guru, gigih dan tekun berusaha, belajar mengikut peringkat dan keupayaan diri, tawakal kepada Allah SWT, penetapan waktu belajar, berusaha mendapatkan manfaat daripada ilmu yang dipelajari dan warak dalam belajar (terjemahan Abdul Ghani, 2016).

Berdasarkan saranan dan kenyataan para ilmuan Islam di atas, jelas menunjukkan bahawa adab belajar merupakan perkara penting yang perlu dipelajari dan diamalkan oleh setiap pelajar. Abdullah ibn al Mubarak memberitahu bahawa beliau menuntut ilmu adab selama tiga puluh tahun dan menuntut ilmu selama dua puluh tahun (dalam Mohammad Nidzam, 2014). Kata-kata Abdullah ibn al Mubarak ini menggambarkan kepada semua pelajar bahawa setiap pelajar disarankan

mempelajari tentang adab belajar terlebih dahulu sebelum mempelajari ilmu-ilmu yang lain. Tambahan lagi, Tajul, Roslee dan Rahimawati (2007) menyatakan bahawa amalan adab belajar dapat membantu pelajar-pelajar untuk belajar dan memahami pelajaran dengan lebih mudah.

Namun begitu, pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah didapati masih kurang mengamalkan amalan belajar seperti yang dinyatakan di atas. Hal ini dibuktikan dengan laporan sesi kaunseling daripada beberapa buah SBP di Johor yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah kerap tidur ketika belajar, lebih banyak bersembang kosong dengan rakan-rakan ketika belajar, kurang fokus ketika belajar, mengumpat guru, mudah lupa, tidak membuat ulang kaji sendiri, tidak membuat latihan, malas belajar dan kurang membaca buku (Unit Kaunseling SBP Johor, 2013).

Selain itu, dapatan kajian-kajian lepas berkaitan dengan punca-punca pelajar SBP berprestasi rendah pula menunjukkan bahawa majoriti daripada pelajar ini sering menangguhkan tugas, kurang membaca buku, kurang gemar menulis nota belajar sendiri, hanya mengulangkaji pelajaran menjelang peperiksaan, kurang membuat latihan serta hanya belajar apabila diberi galakan dan dorongan oleh guru dan ibu bapa (Ishak, 1991; Thilaga, 2004 dan Genevy, 2006). Di samping itu, pelajar-pelajar SBP juga didapati melakukan buli sesama rakan (Esa, 2011), melanggar disiplin sekolah (Abd Halim, 1977), mencuri, menipu, membuli rakan, memukul rakan, bercinta (melakukan perbuatan menuju ke arah zina), homoseksual serta melawan guru (Unit Disiplin SBP Johor, 2015). Genevy (2006) juga mendapati bahawa pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah kurang mesra dengan guru, sering menyalahkan guru apabila tidak minat pelajaran yang dipelajari serta malas bertanya guru ketika belajar.

Justeru, terdapat pelbagai faktor yang dapat mendorong pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah ini untuk mengamalkan adab belajar dengan lebih positif. Ajzen (1991) memberitahu bahawa tingkah laku manusia boleh berlaku atau berubah disebabkan oleh faktor sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat tingkah laku. Tiga faktor utama iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku akan bergabung bagi

membentuk niat tingkah laku yang bertindak seperti motivasi bagi seseorang untuk melakukan tingkah laku sasaran (Ajzen, 1991 dan Ajzen, 2005). Teori ini dikenali sebagai Teori Perancangan Tingkah Laku (Ajzen, 1991) dan sangat sesuai diaplikasikan bagi tujuan perubahan sebarang tingkah laku khususnya dalam bidang pendidikan (Jillian et.al 2004).

Oleh sebab itu, kajian ini mengaplikasikan Teori Perancangan Tingkah Laku (Ajzen, 1991) bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah supaya dapat berubah tingkah menjadi seorang pelajar yang lebih konsisten dalam mengamalkan adab belajar. Maka, kajian ini dilaksanakan dengan memberi fokus kepada tiga faktor penting yang membentuk niat tingkah laku bagi mengamalkan adab belajar iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku amalan adab belajar dalam kalangan pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah.

Walaupun terdapat empat faktor yang diketengahkan dalam teori Ajzen (1991), namun Ajzen (2005) menyatakan bahawa jika seseorang ingin membantu seseorang berubah tingkah laku, seseorang perlu melakukan intervensi dalam dua peringkat di mana peringkat pertama memberi fokus kepada perubahan sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku dan peringkat kedua ialah pengukuhan niat tingkah laku. Lantaran itu, berdasarkan pandangan Ajzen (2005), kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menghasilkan sebuah program yang dinamakan Latihan Hijrah untuk membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku bagi mengamalkan adab belajar kepada lebih positif.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada realitinya, masalah pelajar berprestasi rendah di SBP masih belum dapat diatasi seratus peratus (rujuk Jadual 1.1). Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar di tahap rendah namun kebanyakannya adalah berpunca daripada faktor kurang amalan adab belajar (Bahagian Pengurusan SBP,

2005). Hal ini dikukuhkan lagi dengan laporan sesi kaunseling (Unit Kaunseling SBP Johor, 2013), laporan unit disiplin (Unit Disiplin SBP Johor, 2015) dan dapatan kajian lepas (Ishak, 1991; Thilaga, 2004 dan Genevy, 2006) yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah lebih banyak menghabiskan masa belajar dengan bersembang kosong, tidur ketika belajar, malas membaca buku, tiada catatan nota belajar sendiri, makan dan mengunyah ketika belajar, malas mengulang-kaji pelajaran, kurang mesra dan menghormati guru serta sukar fokus ketika belajar.

Sementara itu, pelbagai usaha dilakukan oleh pihak pengurusan dan sekolah-sekolah SBP bagi membantu pelajar-pelajar terlibat meningkatkan tahap pencapaian. Misalnya, Laporan Unit Kurikulum SBP (2015) menunjukkan bahawa terdapat program-program kecemerlangan yang disusun sepanjang tahun bertujuan untuk membantu semua pelajar khususnya bagi calon-calon yang bakal menduduki SPM pada tahun tersebut. Program-program ini merangkumi aspek teknik menjawab peperiksaan, pengkayaan mengikut subjek dan motivasi pencapaian cemerlang. Selain tindakan daripada semua sekolah SBP seluruh Malaysia, pihak pengurusan SBP turut mengambil berat isu pencapaian pelajar-pelajarnya dengan melaksanakan program-program khas di peringkat zon dan kebangsaan bertujuan memperkukuh program-program yang telah dijalankan di sekolah-sekolah (Laporan Unit Kurikulum SBP, 2015).

Selain itu, sebagai usaha membantu meningkatkan amalan belajar yang baik dalam kalangan pelajar-pelajar SBP terutamanya yang berprestasi rendah, pihak SBP telah menerbitkan Buku Panduan Pembinaan Jati Diri Pelajar SBP (Bahagian Pengurusan SBP, 2005), buku Mudah-mudahan Untuk Berjaya dan Terapi Jiwa Murid Muslim (Panel Penulis SBP dan UPSI, 2014) sebagai edaran kepada semua pelajar SBP di seluruh Malaysia. Buku Panduan Jati Diri Pelajar SBP mengandungi modul-modul bagi melaksanakan program-program berkaitan jati diri di sekolah, buku Mudah-mudahan Untuk Berjaya mengandungi teknik belajar berkesan manakala buku Terapi Jiwa Muslim mengandungi contoh-contoh amalan sunat seperti zikrullah, membaca al-Quran dan solat-solat sunat. Namun begitu, sehingga kini masih belum terdapat program yang dirangka khas dan dilaksanakan di peringkat sekolah mahu

pun SBP kebangsaan yang menjurus kepada peningkatan tahap amalan adab belajar menurut perspektif Islam dalam kalangan pelajar-pelajar SBP.

Lantaran ketiadaan program yang memberi fokus kepada peningkatan tahap amalan adab belajar terutamanya dalam kalangan pelajar SBP yang berprestasi rendah, maka kajian ini dijalankan untuk merangka dan melaksana program yang dinamakan sebagai Latihan Hijrah bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah meningkatkan tahap amalan adab belajar. Pembentukan program ini adalah berdasarkan konsep perubahan tingkah laku daripada Teori Perancangan Tingkah Laku (Ajzen, 1991). Ajzen (2005) menjelaskan bahawa proses perubahan tingkah laku menggunakan sebarang bentuk intervensi dimulakan dengan memberi fokus perubahan bagi faktor sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku supaya niat tingkah laku yang tinggi dapat dibentuk (Ajzen, 2005). Menurut Ajzen (1991), niat tingkah laku yang tinggi mampu menyebabkan tingkah laku sasaran berlaku. Tingkah laku sasaran dalam kajian ini adalah amalan adab belajar menurut Imam al Ghazali dan Imam Syafie meliputi amalan menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaulan, belajar bersungguh-sungguh, menghormati guru, mencatat nota dan mengamalkan ilmu. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membentuk dan melaksanakan program Latihan Hijrah bagi membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku kepada lebih positif ke arah mengamalkan adab belajar.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan perbincangan dalam latar belakang dan pernyataan masalah, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- 1.4.1 Membangunkan Latihan Hijrah bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap terhadap tingkah laku, norma

subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku kepada lebih positif ke arah mengamalkan adab belajar.

- 1.4.2 Menilai kesesuaian Latihan Hijrah dalam membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah meningkatkan kefahaman tentang amalan adab belajar.
- 1.4.3 Menilai kesesuaian Latihan Hijrah dalam membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap kepada lebih positif bagi mengamalkan adab belajar.
- 1.4.4 Menilai kesesuaian Latihan Hijrah dalam membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah norma subjektif kepada lebih positif bagi mengamalkan adab belajar.
- 1.4.5 Menilai kesesuaian Latihan Hijrah dalam membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah persepsi kawalan tingkah laku kepada lebih positif bagi mengamalkan adab belajar.
- 1.4.6 Menilai perubahan tingkah laku amalan adab belajar yang dialami oleh pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah selepas mengikuti Latihan Hijrah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dibina, maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian di bawah:

- 1.5.1 Adakah Latihan Hijrah sesuai digunakan bagi membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah meningkatkan kefahaman tentang amalan adab belajar?

- 1.5.2 Bagaimanakah Latihan Hijrah dapat membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah meningkatkan kefahaman tentang amalan adab belajar?
- 1.5.3 Adakah Latihan Hijrah sesuai digunakan bagi membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap kepada lebih positif bagi mengamalkan adab belajar?
- 1.5.4 Bagaimanakah Latihan Hijrah dapat membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap kepada lebih positif bagi mengamalkan adab belajar?
- 1.5.5 Adakah Latihan Hijrah sesuai digunakan bagi membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah norma subjektif kepada lebih positif bagi mengamalkan adab belajar?
- 1.5.5 Bagaimanakah Latihan Hijrah dapat membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah norma subjektif kepada lebih positif bagi mengamalkan adab belajar?
- 1.5.6 Adakah Latihan Hijrah sesuai digunakan bagi membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah persepsi kawalan kepada lebih positif bagi mengamalkan adab belajar?
- 1.5.7 Bagaimanakah Latihan Hijrah dapat membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah persepsi kawalan kepada lebih positif bagi mengamalkan adab belajar?
- 1.5.8 Adakah Latihan Hijrah sesuai digunakan bagi membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah tingkah laku kepada lebih positif dalam mengamalkan adab belajar?
- 1.5.9 Bagaimanakah Latihan Hijrah dapat membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah tingkah laku kepada lebih positif dalam mengamalkan adab belajar?

1.6 Kerangka Teori Kajian

Ajzen (1991) menjelaskan bahawa pembentukan dan perubahan tingkah laku seseorang berlaku akibat pertimbangan antara faktor sikap terhadap tingkah laku, persepsi kawalan tingkah laku dan norma subjektif yang akan membentuk niat tingkah laku sebelum terjadinya tingkah laku sebenar. Teori ini mengandungi empat faktor penting yang mempengaruhi pembentukan dan perubahan tingkah laku iaitu faktor sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat tingkah laku (Ajzen, 1991). Sikap terhadap tingkah laku adalah penilaian menyeluruh seseorang tentang sesuatu tingkah laku sama ada positif atau negatif berdasarkan kepercayaan terhadap tingkah laku dan kesan melakukan tingkah laku tersebut sama ada baik atau buruk (Ajzen, 2005; Jillian et.al 2004 dan Jing, 2008). Norma subjektif pula adalah satu terma faktor sosial yang merujuk kepada persepsi seseorang terhadap tekanan sosial yang diterima daripada orang-orang yang dianggap penting dalam hidup mereka, sama ada untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu tingkah laku (Ajzen dan Fishbein, 2000). Seterusnya ialah faktor persepsi kawalan tingkah laku iaitu persepsi susah atau senang bagi seseorang untuk melakukan sesuatu tingkah laku (Armitage dan Corner, 2001). Faktor terakhir ialah niat tingkah laku yang diibaratkan seperti faktor motivasi dalam diri seseorang sama ada melakukan atau tidak melakukan sesuatu tingkah laku (Ajzen, 2005 dan Harrison dan Steve, 2010).

Walaupun niat tingkah laku merupakan faktor yang menentukan berlakunya sesuatu tingkah laku, namun niat tingkah laku ini terbentuk hasil pertimbangan tiga faktor penting iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku. Oleh sebab itu, kajian ini memberi fokus kepada faktor sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku terlebih dahulu supaya proses perubahan tingkah laku sasaran lebih mudah berlaku (Ajzen, 2005). Di samping itu juga, Ajzen (1991) turut menyatakan bahawa faktor persepsi kawalan tingkah laku juga mampu menyebabkan tingkah laku berlaku tanpa melalui proses pembentukan niat tingkah laku (Ajzen, 1991). Maka, penerangan ini jelas menunjukkan bahawa perubahan ketiga-tiga faktor ini adalah sangat penting dalam menentukan sebarang perubahan tingkah laku.

Seterusnya, teori ini merupakan sebuah teori umum yang sesuai diaplikasikan untuk perubahan sebarang tingkah laku serta sering digunakan dalam kajian bidang sosial dan pendidikan (Jillian *et.al*, 2004). Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan Teori Perancangan Tingkah Laku oleh Ajzen (1991) dengan mensasarkan perubahan tingkah laku amalan adab belajar dalam kalangan pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah. Amalan adab belajar yang difokuskan dalam kajian ini merangkumi tujuh adab belajar berdasarkan saranan Imam al Ghazali dan Imam Syafie iaitu menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaulan, belajar bersungguh-sungguh, menghormati guru, mencatat nota dan mengamalkan ilmu yang dipelajari.

Menjaga pemakanan adalah adab belajar yang disarankan oleh Imam Syafie yang mengingatkan agar seorang pelajar bersederhana ketika makan kerana jika makan dengan terlalu kenyang mampu menyebabkan pertambahan berat badan, hati menjadi keras, menghilangkan kepintaran, membuatkan seseorang mengantuk dan melemahkan diri dalam beribadat ('Abd Aziz, 2007). Imam al-Ghazali turut menyatakan bahawa mencari rezeki yang halal adalah kewajiban semua mukmin kerana ibadah dan mencari ilmu yang disertai dengan memakan makanan haram adalah seperti membangun sebuah bangunan di atas kekotoran (Muhammad Nasir, 2015).

Adab belajar seterusnya adalah mengelak perbuatan maksiat yang disarankan oleh Imam Syafie yang menyatakan bahawa seorang pelajar perlu mengelak diri daripada melakukan maksiat kerana kebanyakan perbuatan maksiat adalah berpunca daripada hati yang kotor seperti hasad dengki, iri hati, khianat, sombong, ujub, emosi, syahwat dan lain-lain dan perkara-perkara ini mampu menghalang seorang pelajar daripada mendapat keberkatan ilmu ('Abdul 'Aziz, 2007). Imam al Ghazali juga mengingatkan hal yang sama dengan memetik kata-kata Ibnu Mas'ud r.a yang bermaksud: "Ilmu itu bukan dengan banyaknya riwayat tetapi ilmu itu adalah cahaya yang diberikan dalam hati" (Ibnu Yasin, 2012).

Kemudian, Imam al Ghazali mengingatkan pelajar-pelajar agar menjaga batas pergaulan dengan orang lain (Ibnu Yasin, 2012) terutamanya dengan rakan-rakan kerana rakan yang ramai mampu menyebabkan pelajar sibuk, membuang masa dan

menghabiskan umur ('Abd Aziz, 2007). Seorang pelajar perlu memilih rakan yang baik supaya dapat mengadaptasi akhlak yang mulia dan memiliki budi pekerti yang tinggi (Abdullah Nashih Ulwan, 2013). Pelajar juga perlu menghormati, menghargai rakan-rakan, menjaga tali persahabatan serta persaudaraan sesama muslim supaya pelajar mendapat terang hati, keberkatan dan pahala ketika belajar di samping ilmu yang bermanfaat bagi dirinya (Kiyai Haji Muhammad Hashim Asy'ari, 2011).

Seterusnya, Imam al-Ghazali menyarankan agar pelajar-pelajar mencurahkan segala kemampuan untuk belajar kerana mereka yang mencintai dunia dan hal-hal mencari harta dunia menyebabkan mereka terhalang daripada perasaan untuk mengutamakan belajar (Ibnu Yasin, 2012). Imam Syafie turut menegaskan dalam sayirnya iaitu "Saudaraku, engkau tidak akan memperoleh ilmu kecuali dengan enam syarat iaitu otak (kecerdasan), perhatian, sungguh-sungguh, ekonomi, adanya petunjuk guru dan masa yang panjang" (Gus dan Suhendri, 2010). Hal ini bermaksud, pelajar perlu meletakkan fokus yang tinggi terhadap aktiviti belajar di samping memenuhi tuntutan kehidupan seperti biasa, mengelak diri daripada berangan, mudah putus asa, meninggalkan perkara-perkara remeh dan tidak penting demi masa untuk belajar ('Abdul 'Aziz, 2007).

Selain itu, Imam Syafie pernah berkata, "Aku merendahkan diriku kepada para ulama maka mereka pun memuliakanku, seorang tidak akan dimuliakan jika ia tidak merendahkan dirinya" ('Abd Aziz, 2007). Hal ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar perlu menghormati guru kerana kerana proses belajar hanya dapat dilakukan dengan mendengar secara langsung atau duduk bersama guru bagi membolehkan pelajar-pelajar mendengar terus daripada mereka dan bukannya belajar sendiri daripada mana-mana buku atau kitab sahaja (Al-'Utsaimin, 2005). Para pelajar diingatkan agar menjaga kehormatan guru samada di hadapan atau di belakang guru bagi memudahkan pelajar mendapat petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT khususnya dalam menuntut ilmu (Al-'Utsaimin, 2005).

Seterusnya, Imam al-Ghazali menyarankan agar pelajar-pelajar mencurahkan segala kemampuan untuk belajar (Ibnu Yasin, 2012) manakala Imam Syafie pula menyatakan bahawa salah satu daripada amalan belajar bersungguh-sungguh adalah mencatat nota (Gus dan Suhendri, 2010). Allah SWT telah mengingatkan kepada


manusia tentang kepentingan mencatat sejak awal lagi melalui firmanNya yang bermaksud:

“Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan”

(Surah Al-‘Alaq 96:4)

Terakhir, Imam Syafie menyatakan bahawa seorang pelajar dituntut supaya mempunyai niat untuk menyampaikan dan mengamalkan ilmu yang dipelajari (Khairul Ghazali, 2015). Saranan Imam Syafie ini bertekalan dengan saranan Imam al-Ghazali yang turut menyatakan bahawa pelajar-pelajar perlu menetapkan tujuan belajar adalah untuk menghiasi batin dan mencapai keredhaan Allah SWT (Ibnu Yasin, 2012). Musthafa Dib (2007) menjelaskan bahawa pelajar perlu mengamalkan ilmu yang telah dipelajari kerana seseorang yang mengamalkan ilmu yang dipelajari mampu meningkatkan ketakwaan dalam diri serta mudah mendapat petunjuk daripada Allah SWT.

Justeru, kerangka teori kajian ini telah dibentuk berdasarkan Teori Perancangan Tingkah Laku oleh Ajzen (1991) serta adab belajar saranan Imam Syafie (‘Abd Aziz, 2007) dan Imam al Ghazali (Ibnu Yasin, 2012) seperti yang ditunjukkan melalui Rajah 1.1. Kerangka teori kajian ini menjelaskan pembentukan tiga pemboleh ubah utama yang dikaji menerusi kajian ini iaitu sikap terhadap amalan adab belajar, norma subjektif amalan adab belajar dan persepsi kawalan bagi mengamalkan adab belajar. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk membangun dan melaksanakan Latihan Hijrah bagi membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan kepada lebih positif ke arah mengamalkan adab belajar dengan lebih baik.



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Teori Perancangan Tingkah Laku oleh Ajzen (1991) merupakan sebuah teori perubahan tingkah laku yang sesuai diaplikasikan untuk membantu pelajar berubah tingkah laku (Jillian *et.al*, 2004). Teori ini berpendapat bahawa tingkah laku terjadi akibat daripada niat tingkah laku yang tinggi manakala niat tingkah laku ini pula terhasil daripada pertimbangan antara tiga faktor penting iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku (Ajzen, 1991 dan Ajzen, 2005). Walaubagaimanapun, teori ini turut menyatakan bahawa faktor persepsi kawalan tingkah laku mampu menyebabkan tingkah laku terjadi (Ajzen, 1991).

Menurut Ajzen (2005), perubahan tingkah laku boleh dilakukan dengan menjalankan apa juga bentuk intervensi asalkan intervensi tersebut dapat mengubah sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku

kepada lebih positif bagi membentuk niat tingkah laku yang tinggi. Pelaksanaan intervensi ini pula lebih sesuai dilakukan dalam dua peringkat iaitu peringkat pertama melibatkan perubahan sikap, norma dan persepsi manakala peringkat kedua ialah pengukuhan niat tingkah laku (Ajzen, 2005).


Justeru itu, kerangka konsep bagi kajian yang bakal dijalankan ini melibatkan beberapa komponen (rujuk Rajah 1.2). Komponen utama kajian ini adalah program Latihan Hijrah yang terdiri daripada 21 aktiviti berkaitan dengan amalan adab belajar. Latihan Hijrah dilaksanakan secara bimbingan kelompok melibatkan enam orang pelajar SBP berprestasi rendah yang dipilih berdasarkan keputusan ujian pra menggunakan Soal Selidik Amalan Belajar. Program Latihan Hijrah yang dibangunkan dalam kajian ini merupakan pemboleh ubah bebas bagi kajian ini.

Program Latihan Hijrah bertujuan memberi pendedahan tentang tujuh amalan adab belajar daripada Imam al Ghazali dan Imam Syafie iaitu menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaulan, belajar bersungguh-sungguh, menghormati guru, mencatat nota dan mengamalkan ilmu yang dipelajari. Program ini dijalankan secara bimbingan kelompok kecil bagi membolehkan fasilitator dan ahli kelompok melakukan perbincangan dengan lebih mendalam serta dapat meningkatkan tumpuan pemimpin kepada peserta (Hartina, 2006 dan Jamaludin, 2008).

Di samping itu, kajian kes secara temu bual dijalankan bertujuan untuk menilai kesesuaian Latihan Hijrah dalam membantu pelajar-pelajar berubah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan kepada lebih positif berdasarkan tiga pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini iaitu sikap terhadap amalan adab belajar, norma subjektif mengamalkan adab belajar dan persepsi kawalan bagi mengamalkan adab belajar. Bagi mengukuhkan dapatan temu bual, pengkaji turut menjalankan ujian pos menggunakan Soal Selidik Amalan Belajar bagi menilai perubahan skor selepas pelajar menjalani Latihan Hijrah. Oleh kerana Ajzen (1991) menyatakan bahawa ketiga-tiga faktor sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku akan membentuk niat tingkah laku dan seterusnya tingkah laku, maka kajian ini turut menjalankan kaedah pemerhatian bagi melihat perubahan tingkah laku daripada aspek amalan adab belajar dalam kalangan pelajar terlibat.

Tambahan lagi, perubahan positif bagi faktor persepsi kawalan tingkah laku juga mampu menyebabkan tingkah laku sasaran berlaku tanpa melalui niat tingkah laku (Ajzen, 1991).

Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membangunkan Program Latihan Hijrah. Selain itu, Latihan Hijrah turut dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah. Bagi menilai hasil pelaksanaan Latihan Hijrah, kajian kes secara temu bual yang disokong dengan dapatan ujian pra dan pos menggunakan Soal Selidik Amalan Belajar serta pemerhatian oleh guru dijalankan bertujuan untuk menilai kesesuaian Latihan Hijrah dalam membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan bagi mengamalkan adab belajar.



Rajah 1.2: Kerangka Konsep Kajian

1.8 Rasional Kajian

Pelajar SBP merupakan aset bernilai bagi negara memandangkan mereka merupakan golongan pelajar yang berpotensi tinggi untuk berjaya serta disasarkan dapat menerajui negara di masa hadapan. Walaubagaimanapun, adalah menjadi satu kerugian besar kepada negara sekiranya pelajar-pelajar SBP ini gagal mencapai kecemerlangan terutamanya dalam akademik. Oleh sebab itu, pelajar-pelajar SBP yang telah menunjukkan prestasi pencapaian yang rendah di peringkat sekolah harus dibantu dengan lebih awal supaya mereka dapat mencapai kecemerlangan terutamanya dalam peperiksaan SPM.

Salah satu punca pelajar SBP berpencapaian rendah adalah disebabkan kurang amalan adab belajar (Bahagian Pengurusan SBP, 2005). Hal ini dikukuhkan lagi dengan bukti terdapatnya hasil-hasil kajian lepas yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar SBP berpencapaian rendah sering menangguk tugas, kurang membaca buku, kurang gemar menulis nota belajar sendiri, hanya mengulangkaji pelajaran menjelang peperiksaan, kurang membuat latihan tubi serta hanya belajar apabila diberi galakan dan dorongan oleh guru dan ibu bapa (Ishak, 1991; Thilaga, 2004 dan Genevy, 2006). Dapatan kajian lepas ini jelas membuktikan bahawa pelajar-pelajar SBP berpencapaian rendah gemar melakukan amalan belajar yang bertentangan dengan adab belajar menurut perspektif Islam.

Justeru, kajian ini perlu dilaksanakan bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar SBP berpencapaian rendah berubah tingkah laku kepada lebih positif dalam mengamalkan adab belajar dengan lebih baik. Tindakan ini sangat penting kerana Tajul, Roslee dan Rahimawati (2007) menegaskan bahawa amalan adab belajar mampu memudahkan pelajar untuk belajar dan mendapat ilmu yang diberkati. Tambahan lagi, Abdullah ibn al Mubarak turut memberitahu bahawa beliau menuntut ilmu adab selama tiga puluh tahun dan menuntut ilmu selama dua puluh tahun (dalam Mohammad Nidzam, 2014). Hal ini jelas menunjukkan bahawa mempelajari, menguasai dan mengamalkan adab belajar adalah lebih utama berbanding hanya terus melakukan proses belajar.

Oleh yang demikian, dalam usaha membantu pihak SBP merealisasikan hasrat dan cita-cita untuk melahirkan seratus peratus pelajar cemerlang terutama dalam peperiksaan SPM (Bahagian Pengurusan SBP dan Sekolah Kluster, 2008), kajian ini dijalankan bagi membangun dan melaksanakan Program Latihan Hijrah yang disasarkan dapat membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan bagi mengamalkan adab belajar ke arah pencapaian cemerlang.

1.9 Kepentingan Kajian

Pelaksanaan kajian ini memberi kepentingan kepada dunia pendidikan di Malaysia terutamanya pelajar-pelajar SBP yang berprestasi rendah, guru-guru bimbingan dan kaunseling SBP serta Bahagian Sekolah Berasrama Penuh di Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.9.1 Pelajar-Pelajar SBP Berprestasi Rendah

Dapatan kajian diharapkan dapat memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah tentang kepentingan mengamalkan adab belajar demi memudahkan proses pembelajaran. Di samping itu, hasil pelaksanaan program Latihan Hijrah turut diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku bagi mengamalkan adab belajar. Dengan cara ini, pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah akan lebih berpotensi tinggi untuk mengamalkan adab belajar. Dengan mengamalkan adab belajar, diharapkan pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah akan lebih mudah belajar ke arah pencapaian cemerlang.

1.9.2 Guru Bimbingan Dan Kaunseling SBP

Hasil kajian ini diharapkan dapat menyalurkan maklumat dan membantu guru-guru bimbingan dan kaunseling SBP meningkatkan kefahaman tentang kepentingan mengamalkan adab belajar dalam kalangan pelajar SBP sekaligus menerapkannya kepada para pelajar terutamanya semasa menjalankan sesi bimbingan dan kaunseling. Selain itu, pembangunan Latihan Hijrah yang dihasilkan menerusi kajian ini juga turut diharapkan dapat membantu memudahkan tugas guru bimbingan dan kaunseling SBP untuk menjalankan program bagi melatih pelajar-pelajar SBP khususnya yang berprestasi rendah untuk mengamalkan adab belajar. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran kepada guru-guru bimbingan dan kaunseling SBP tentang keutamaan mengamalkan adab belajar bagi membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar-pelajar.

1.9.3 Bahagian Pengurusan SBP (Kementerian Pelajaran Malaysia)

Hasil kajian ini adalah diharapkan dapat menyalurkan maklumat berguna kepada Bahagian Pengurusan SBP di Kementerian Pelajaran Malaysia berkaitan kepentingan mengamalkan adab belajar bagi memudahkan pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah belajar dan mencapai kecemerlangan. Selain itu, hasil kajian ini turut diharapkan dapat meningkatkan kesedaran kepada pihak Pengurusan SBP agar dapat memberi penekanan kepada semua sekolah SBP agar dapat melaksanakan lebih banyak program yang berkaitan amalan adab belajar sebagai usaha memperkukuh budaya mengamalkan adab belajar ke arah pencapaian cemerlang dalam kalangan semua pelajar SBP.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan beberapa batasan kajian. Batasan kajian yang pertama adalah tentang populasi kajian. Populasi pelajar SBP berprestasi rendah adalah sangat luas di seluruh Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan hanya melibatkan pelajar-pelajar Tingkatan Empat SBP di Johor yang memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) kurang daripada 2.5 dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2014 (Unit Peperiksaan SBP Johor, 2014). Di SBP, kelompok pelajar yang mendapat PNGK kurang 2.5 ini dikategorikan sebagai pelajar berprestasi rendah. Seramai 202 orang pelajar berprestasi rendah dari empat buah SBP Johor akan terlibat untuk menjawab ujian pra bertujuan untuk memilih sampel kajian kes. Hanya enam orang pelajar yang mendapat skor markah paling rendah bagi Soal Selidik Amalan Belajar sahaja yang akan dipilih untuk menjadi sampel kajian kes.

Seterusnya kajian ini hanya melibatkan tiga pemboleh ubah daripada Teori Perancangan Tingkah Laku oleh Ajzen (1991) iaitu sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku. Ketiga-tiga pemboleh ubah ini diaplikasikan terhadap tujuh tingkah laku amalan adab belajar saranan Imam al-Ghazali dan Imam Syafie iaitu menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaulan, belajar bersungguh-sungguh, menghormati guru, mencatat nota dan mengamalkan ilmu yang dipelajari. Oleh yang demikian, kajian ini hanya mengukur tiga pemboleh ubah sandaran iaitu sikap terhadap amalan adab belajar, norma subjektif mengamalkan adab belajar dan persepsi kawalan bagi mengamalkan adab belajar.

Seterusnya, kajian ini hanya mengutip data latar belakang pelajar terlibat untuk dijadikan sumber rujukan dan maklumat kepada pengkaji. Pelaksanaan Latihan Hijrah juga hanya sesuai dijalankan oleh guru bimbingan dan kaunseling yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda (Bimbingan dan Kaunseling) kerana pelaksanaan aktiviti Latihan Hijrah adalah secara bimbingan kelompok. Selain itu, pengkaji menggunakan khidmat guru yang juga merupakan warden di

asrama sekolah bagi mengutip data pemerhatian kajian kes kerana guru tersebut lebih mengenali pelajar serta mempunyai lebih banyak masa bersama pelajar terlibat.

1.11 Definisi Istilah

1.11.1 Sikap

Sikap adalah tindak balas emosi manusia terhadap situasi atau seseorang selain menggambarkan pemikiran dan perasaan manusia (Glenn, 2010). Sikap juga ditakrifkan sebagai kecenderungan untuk bertindak balas sama ada suka atau tidak suka terhadap objek, individu, institusi atau acara, namun ramai pakar psikologi bersetuju menyatakan bahawa sikap adalah penilaian (Ajzen, 1991 dan Ajzen, 2005). Namun, Ajzen (1991) menjelaskan, sikap yang menyumbang kepada perubahan tingkah laku adalah sikap terhadap tingkah laku yang bermaksud penilaian menyeluruh seseorang tentang sesuatu tingkah laku sama ada positif atau negatif berdasarkan kepercayaan terhadap tingkah laku dan kesan melakukan tingkah laku tersebut sama ada baik atau buruk (Ajzen, 2005; Jillian et.al 2004 dan Jing, 2008).

Dalam konteks kajian ini, sikap yang dirujuk adalah sikap terhadap amalan adab belajar iaitu penilaian pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah sama ada positif atau negatif terhadap amalan adab belajar yang terdiri daripada aspek menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaulan, belajar bersungguh-sungguh, menghormati guru, mencatat nota dan mengamalkan ilmu yang dipelajari.

1.11.2 Norma Subjektif

Norma subjektif bermaksud persepsi tekanan sosial sama ada melakukan atau tidak melakukan suatu tingkah laku (Ajzen, 1991). Ajzen dan Fishbein (2000) menjelaskan lagi bahawa norma subjektif adalah satu terma faktor sosial yang

merujuk kepada persepsi seseorang terhadap tekanan sosial yang diterima daripada orang-orang yang dianggap penting dalam hidup mereka, samada untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu tingkah laku. Contento (2011) pula menyatakan bahawa norma subjektif atau persepsi tekanan sosial ini adalah ditentukan oleh kepercayaan normatif dan motivasi untuk melakukan.

Dalam kajian ini, norma subjektif yang dirujuk adalah norma subjektif bagi mengamalkan adab belajar iaitu persepsi pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah terhadap tekanan yang diterima daripada orang-orang yang dianggap penting dalam hidup mereka seperti ibu bapa, guru-guru atau rakan-rakan samada untuk mengamalkan atau tidak mengamalkan adab belajar yang terdiri daripada amalan untuk menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaulan, belajar bersungguh-sungguh, menghormati guru, mencatat nota dan mengamalkan ilmu yang dipelajari.

1.11.3 Persepsi Kawalan

Persepsi ialah gambaran atau pandangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu) manakala kawalan bermaksud usaha atau tindakan mengawal (menjaga, mengawasi) dan tingkah laku ialah gerak-geri, kelakuan dan perbuatan (DBP, 2010). Persepsi kawalan tingkah laku bermaksud penilaian terhadap batasan atau kebolehan melakukan tingkah laku yang disasarkan (Acevedo, 2012). Menurut Ajzen (1991), persepsi kawalan tingkah laku adalah persepsi susah atau senang bagi seseorang untuk melakukan sesuatu tingkah laku yang dipengaruhi oleh pengalaman dan halangan yang pernah dilalui oleh seseorang.

Dalam kajian ini, persepsi kawalan yang dirujuk adalah persepsi kawalan bagi mengamalkan adab belajar iaitu penilaian pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah sama ada susah atau senang untuk mengamalkan adab belajar yang terdiri daripada aspek menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaulan, belajar bersungguh-sungguh, menghormati guru, mencatat nota dan mengamalkan ilmu yang dipelajari.

1.11.4 Amalan Adab Belajar

Adab bermaksud tingkah laku dan tutur kata yang sopan yang ditunjukkan oleh seseorang dalam sesuatu situasi tertentu (DBP, 2010). Umar (1980) menterjemahkan maksud adab sebagai sifat, perangai, tingkah laku dan gerak geri manusia yang terpuji lagi mulia dengan hidup yang teratur pada tutur kata tingkah laku, hati bersih, pandai bergaul dan tahu berbudi. Sidek (2005) pula menjelaskan bahawa adab merupakan pancaran dari akhlak yang mulia dan gambaran pekerti seseorang dalam tingkah laku hidupnya selain daripada menggambarkan kesopanan seseorang terhadap seseorang yang lain apabila berada dalam situasi tertentu. Begitu juga dengan Asmawati (2009) yang menyatakan bahawa adab ialah segala tingkah laku atau perlakuan sopan, baik dan mulia berteraskan al Quran dan hadis Rasulullah SAW. Espeland dan Verdict (2007) menerangkan, adab ialah tingkah laku baik yang boleh dipelajari oleh semua orang, kemahiran yang digunakan oleh manusia sepanjang hidup, tanda mengambil berat tentang orang lain dan diri sendiri, peraturan yang bermakna untuk kehidupan yang lebih baik serta perkara penting dulu, kini dan selamanya.

Di samping itu, belajar pula bermaksud berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan manakala amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan sebagai satu kebiasaan (DBP, 2010). Muhaya (2012) menerangkan bahawa belajar ialah proses mendapatkan ilmu pengetahuan melalui kaedah pencarian maklumat, mengulangkaji pelajaran dan menganalisis maklumat bertujuan menguasai dan memahami apa yang dipelajari. Fahrur (2012) pula menyatakan maksud amalan ialah pelbagai aktiviti manusia yang sudah menjadi fitrah sebagai makhluk seperti makan, minum, tidur, berkumuh, berkembang dan sebagainya.

Berdasarkan maksud-maksud yang telah diterjemahkan di atas, amalan adab belajar dapat difahami sebagai tingkah laku baik dan sopan yang menjadi kebiasaan kepada pelajar-pelajar ketika proses mendapatkan ilmu. Dalam konteks kajian ini, terdapat tujuh adab belajar yang perlu diamalkan oleh pelajar-pelajar SBP berpenapaian rendah berdasarkan saranan Imam al Ghazali dan Imam Syafie iaitu:

a) Menjaga Pemakanan

Menurut Imam al-Ghazali, mencari rezeki yang halal adalah kewajiban semua mukmin kerana ibadah dan mencari ilmu yang disertai dengan memakan makanan haram adalah seperti membangun sebuah bangunan di atas kekotoran (Muhammad Nasir, 2015) manakala Imam Syafie pula menyatakan bahawa “Aku tidak pernah kenyang selama enam belas tahun kecuali sekali sahaja. Aku akan memasukkan tanganku ke dalam kerongkong sehingga memuntahkannya. Sesungguhnya kenyang membuat badan berat, hati keras, menghilangkan kepintaran, membuat diri mengantuk dan melemahkan ibadat” (‘Abd Aziz, 2007).

Dalam konteks kajian ini, menjaga pemakanan yang dimaksudkan ialah bagaimana pelajar-pelajar SBP berpencaharian rendah mengutamakan faktor halal, bersih dan seimbang ketika mengambil makanan.

b) Mengelak Perbuatan Maksiat

Imam Syafie menyatakan bahawa: ‘Aku mengadukan kepada Waki’ tentang buruknya hafalanku, lalu beliau menyuruhku untuk meninggalkan perbuatan maksiat dengan berkata: ‘Ketahuilah, sesungguhnya ilmu adalah cahaya, dan cahaya Allah tidak diberikan kepada pelaku maksiat’ (‘Abd Aziz, 2007). Imam al-Ghazali pula mengingatkan, “Janganlah mengira bahawa engkau pasti akan selamat hanya dengan niat-niat yang baik dalam mencari ilmu sementara hatimu dipenuhi dengan penyakit dengki, riak dan ujub” (Muhammad Nasir, 2015). Perbuatan maksiat merupakan segala perbuatan yang mendatangkan dosa (Majlis Fatwa Malaysia, 2014). Kebanyakan perbuatan maksiat adalah berpunca daripada hati yang kotor seperti hasad dengki, iri hati, khianat, sombong, ujub, emosi, syahwat dan lain-lain dan perkara-perkara ini mampu menghalang seorang pelajar daripada mendapat keberkatan ilmu (‘Abdul ‘Aziz, 2007).

Dalam konteks kajian ini, perbuatan maksiat yang dimaksudkan ialah perasaan hasad dengki, iri hati, khianat, sombong, ujub, emosi, berkata-kata kesat, mengejek rakan dan mengumpat guru yang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar SBP berpencaharian rendah.

c) Menjaga Batas Pergaulan

Imam al-Ghazali menyarankan agar para pelajar dapat mengurangkan hubungan dengan orang lain termasuklah dengan rakan-rakan (Ibnu Yasin, 2012). Hal ini kerana rakan yang ramai mampu menyebabkan pelajar sibuk, membuang masa dan menghabiskan umur ('Abd Aziz, 2007). Selain itu, seorang pelajar turut disarankan agar memilih rakan yang baik supaya dapat mengadaptasi akhlak yang mulia dan memiliki budi pekerti yang tinggi (Abdullah Nashih Ulwan, 2013).

Dalam konteks kajian ini, menjaga batas pergaulan yang dimaksudkan ialah usaha mengurangkan aktiviti bersebang dalam kalangan pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah sama ada ketika belajar atau pun ketika melayari internet.

d) Belajar Bersungguh-Sungguh

Imam al-Ghazali menyarankan agar pelajar-pelajar mencurahkan segala kemampuan untuk belajar (Ibnu Yasin, 2012) manakala Imam Syafie pula mengingatkan dalam syairnya iaitu "Saudaraku, engkau tidak akan memperoleh ilmu kecuali dengan enam syarat iaitu otak (kecerdasan), perhatian, sungguh-sungguh, ekonomi, adanya petunjuk guru dan masa yang panjang" (Gus dan Suhendri, 2010). Seorang pelajar dituntut supaya belajar bersungguh-sungguh dengan meletakkan fokus yang tinggi terhadap aktiviti belajar di samping memenuhi tuntutan kehidupan seperti biasa, mengelak diri daripada berangan, mudah putus asa, meninggalkan perkara-perkara remeh dan tidak penting demi masa untuk belajar ('Abdul 'Aziz, 2007).

Dalam konteks kajian ini, belajar bersungguh-sungguh ini bermaksud usaha yang dilakukan oleh pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah dalam mengejar kecemerlangan seperti memberi fokus yang tinggi terhadap pelajaran, membuat rujukan, membaca buku dan membuat jadual belajar.

e) Menghormati Guru

Imam Syafie berkata, “Aku merendahkan diriku kepada para ulama maka mereka pun memuliakanku, seorang tidak akan dimuliakan jika ia tidak merendahkan dirinya” (‘Abd Aziz, 2007). Imam al-Ghazali pula menyarankan agar pelajar-pelajar tidak sombong kepada ilmu dan menyerahkan urusan ilmu kepada guru (Ibnu Yasin, 2012). Para pelajar perlu merendah diri dengan guru, memandang tinggi gurunya, mengutamakan hak guru, sabar dengan kekasaran guru, duduk dengan hormat dan bersungguh-sungguh mendengar pengajaran guru, meminta izin untuk berjumpa, mengikut pandangan dan pendapat guru, memohon keredaan guru dan selalu berbincang tentang perkara yang menjadi perhatian guru (Abdullah Nashih Ulwan, 2013).

Dalam konteks kajian ini, menghormati guru yang dimaksudkan ialah amalan menghargai guru serta tidak mengkritik guru sama ada di hadapan atau di belakang guru oleh pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah.

f) Mencatat Nota

Imam al Ghazali menyarankan agar pelajar-pelajar mencurahkan segala kemampuan untuk belajar (Ibnu Yasin, 2012). Imam Syafie pula menyatakan, salah satu daripada syarat belajar ialah belajar bersungguh-sungguh termasuklah mencatat nota (Gus dan Suhendri, 2010). Mencatat nota merupakan aktiviti yang penting dalam belajar kerana ia merupakan cara terbaik untuk menyimpan ilmu pengetahuan, menggalakkan anda mencari idea-idea penting, membantu proses mengingat, meningkatkan minat untuk belajar berterusan serta memudahkan pelajar-pelajar mengulang kaji pelajaran kerana bahan yang dibaca telah dipendekkan dan isi pelajaran telah disatukan (Hasan, 1996).

Dalam konteks kajian ini, mencatat nota yang dimaksudkan ialah amalan membuat nota belajar sendiri yang dilakukan oleh pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah ketika belajar.

g) Mengamalkan Ilmu

Imam al-Ghazali yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar perlu menetapkan tujuan belajar adalah untuk menghiasi batin dan mencapai keredhaan Allah SWT (Ibnu Yasin, 2012). Pelajar juga perlu mengamalkan ilmu yang telah dipelajari kerana seseorang yang mengamalkan ilmu yang dipelajari mampu meningkatkan ketakwaan dalam diri serta mudah mendapat petunjuk daripada Allah SWT (Musthafa Dib, 2007).

Maka, dalam konteks kajian ini, mengamalkan ilmu merujuk kepada sejauh mana pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah mengamalkan ilmu yang telah dipelajari dalam kehidupan harian.

1.11.5 Latihan Hijrah

Latihan Hijrah merupakan intervensi yang dibangun dan dilaksanakan dalam kajian ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan bagi mengamalkan adab belajar. Latihan Hijrah dipilih sebagai intervensi dalam kajian ini kerana Ajzen (2005) menyatakan bahawa dalam membantu seseorang berubah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan bagi apa juga tingkah laku, seseorang boleh menjalankan apa jua bentuk intervensi asalkan ianya mampu mengubah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku kepada lebih positif.

Oleh sebab itu, kajian ini membangunkan Latihan Hijrah yang mengandungi sebanyak 21 aktiviti berkaitan tujuh amalan adab belajar iaitu menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaulan, belajar bersungguh-sungguh, menghormati guru, mencatat nota dan mengamalkan ilmu yang dipelajari. Latihan Hijrah adalah sesuai dijalankan secara bimbingan kelompok kecil memandangkan pendekatan ini membolehkan perbincangan lebih mendalam dilakukan serta dapat meningkatkan tumpuan pemimpin kepada peserta (Hartina, 2006 dan Jamaludin, 2008).

1.11.6 Pelajar Sekolah Berasrama Penuh

Pelajar Sekolah Berasrama Penuh merupakan sekumpulan pelajar sekolah menengah yang ditempatkan secara khusus di SBP yang dipilih berdasarkan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan UPSR atau PMR/PT3 serta aktif dalam aktiviti kokurikulum (KPM, 2014). Pelajar-pelajar yang tinggal di SBP perlu menjalani rutin kehidupan yang lebih terkawal dengan jadual pembelajaran yang terancang diatur oleh pihak sekolah dan semua pelajar wajib mematuhi (Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kluster, 2008).

Dalam kajian ini, pelajar SBP merujuk kepada pelajar-pelajar Tingkatan Empat SBP di Johor yang mempunyai latar belakang berbeza sama ada dari segi jantina, tempat tinggal dan status sosioekonomi serta dikategorikan sebagai pelajar berprestasi rendah berdasarkan Unit Peperiksaan SBP Johor (2013).

1.12 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan perkara yang berkaitan dengan latar belakang kajian yang memberi fokus terhadap isu kurang amalan adab belajar dalam kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat SBP berprestasi rendah di Johor. Selain itu, bab ini turut menerangkan tentang kepentingan pembangunan Latihan Hijrah yang disasarkan dapat membantu pelajar-pelajar SBP berprestasi rendah berubah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan bagi mengamalkan adab belajar diikuti dengan pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi istilah bagi setiap pemboleh ubah kajian.

RUJUKAN

Al Quran Al Qarim.

‘Abdul ‘Aziz bin Fathi (2007). *Ensiklopedi Adab Islam Menurut Al Quran dan As Sunah JLD II*. Terjemahan Abu Ihsan al Atsari. Jakarta: PT Pustaka Imam Asy Syafi’i.

Abd Wahid, Mohammad Faizal Naharuddin. (2010). *Pembangunan Perisian Multimedia Interaktif Teknologi Automotif: Anti-Lock Brake System (ABS)*. Skudai ,Johor: UTM.

Abdullah Nashih Ulwan (2013). *Tarbiyatul Aulad*. Terjemahan Emiel Ahmad. Jakarta: Khatulistiwa Press.

Abu Bakar Nordin (1995). *Penilaian Afektif*. Kajang: Masa Enterprise.

Acevedo, E.O. (2012). *The Oxford Handbook of Exercise Psychology*. USA: Oxford University Press.Inc

Adi Hashman (2012). *Mengapa Rasulullah Tidak Pernah Sakit*. Batu Caves: PTS Millenia Sdn Bhd.

Ahmad Muhammad Abdul Ghaffar (2009). *Panduan Bergaul Dan Memilih Teman*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ahmad Syukri Mohd Nain dan Rosman Mohd Yusof (2003). *Konsep, Teori, Dimensi Dan Isu Pembangunan*. Skudai: Penerbit UTM.

Ajmain@Jimaain Safar, Shafudin Mohd Yatim, Idris Ismail dan Mohd fadzil Sulaiman (2013). *Panduan pelajar Cemerlang menurut Perspektif Islam*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

Ajzen, I dan Fishbein, M (2000). *Attitudes and the Attitudes-Behavior Relation: Reasoned and Automatic Processes*. European Review of Social Psychology, 1-33.

Ajzen, I. (1991). *The Theory of Planned Behavior*. Organizational Behavior And Human Decision Processes, 179-211.

Ajzen, I. (2005). *Attitudes, Personality and Behaviour*. Berkshire: Mc Graw Hill Education.

- Al-'Utsaimin Syaikh Muhammad bin Shalih (2005). *Syarah Adab & Manfaat Menuntut Ilmu*. Terjemahan Ahmad Sabiq, Lc. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Aldoobie, N. (2015). ADDIE Model, *American International Journal*, Vol.5, No.6. USA: Center For Promoting Ideas, www.ajerret.com
- Armitage, C.J. & Christian, J. (2004). *Planned Behavior: The Relationship Between Human Thought And Action*. New Jersey: Transaction Publishers.
- Ary, D., Jacobs, L.C., Sorensen, C., Razavieh, A. (2009). *Introduction To Research In Education*. Belmont: Cengage Learning, Inc.
- Asmawati Suhid (2009). *Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam: Konsep Dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Azizi Yahya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Azrilah Abd Aziz, Mohd Saifudin Masodi dan Azami Zaharin (2013). *Asas Model Pengukuran Rasch*. Bangi: Penerbitan UKM
- Azzi, A. G., Powers, M. F., Lengel, A. J dan Mangan M. N. (2014). *Impact of a Transitions of Care Training Module on Community Pharmacists' Knowledge and Attitudes*. *Journal of Pharmacy Technology* 2015, Vol. 31(2) 84–90
- Bahagian Pengurusan SBP (2005). *Panduan Pembinaan Jati Diri Pelajar SBP*. Kuala Lumpur: Sektor Sekolah Berasrama Penuh, KPM.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kluster, BPSBPDSK (2008). *Pelan Pendidikan Sekolah Berasrama Penuh 2008-2015: 'Melahirkan Pemimpin Bertaraf Dunia'*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Giga Wise Network Sdn Bhd.
- Bahagian Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kecemerlangan. (2011). *Dasar Sekolah Berasrama Penuh*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin, Manimegalai Subramaniam. (2002). *Rekabentuk Perisian Multimedia*. Skudai, Johor: UTM.
- Bailey, D.K. (2008). *Methods Of Social Research*. New York: The Free Press.
- Bamberg, S., Ajzen, I. dan Schmith, P. (2003). *Choice Of Travel Mode In The Theory Of Planned Behaviour: The Roles Of Past Behaviour, Habit And Reasoned Action*. *Basic and Applied Social Psychology*, 25, 175-88.

- Bogdan, R.C. dan Biklen, S.K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Bond, T.G dan Fox, C.M (2007). *Applying The Rasch Model*. Lawrence Erlbaum Associates, Inc., Publisher: New Jersey.
- Bosworth, H.B., Oddone, E.Z. & Weinberger, M. (2006). *Patient Treatment Adherence: Concept, Intervention and Measurement*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Brannon, L. & Feist, J. (2010). *Health Psychology: An Intriduction To Behavior And Health*. Belmont: Wadsworth, Cencage Learning.
- Chan, J.F. (2010). *Designing And Developing Training Programmes*. San Francisco: John Wiley and Sons, Inc.
- Chua, Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Malaysia: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Contento, I.R. (2011). *Nutrition Education*. Canada: Jones And Bartlert Publishers. LLC
- Creswell, J.W. (2007). *Qualitative Inquiry & Research Design*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Creswell, J.W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches (3rd.ed)*. Los Angeles, CA: SAGE Publications.
- Creswell, W.J dan Clark, Plano L.V (2011). *Designing And Conducting Mixed Methods Research*. United States: SAGE Publications, Inc.
- Crumpton, H. E. & Gregory, A. (2011). "I'm Not Learning": *The Role of Academic Relevancy for Low-Achieving Students*, *The Journal of Educational Research*, 104:1, 42-53
- Dawidowicz, P. (2010). *Literature Reviews Made Easy: A Quick Guide To Success*. United States: Information Age Publishing Inc.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ebersohn, L. & Rogan, J. (2006). *The impact of an HIV/AIDS module on the knowledge and attitudes of Grade 11 Biology learners*. *African Journal of Research in Mathematics, Science and Technology Education*, 10:1, 103-114
- Edberg, M. (2010). *Essential Readings in Health Behavior Theory & Practice*. Canada: Jones and Bartlett Publishers.

- Esa Abd Samad (2007). *Menuju Puncak Kecemerlangan : Tip-Tip Sukses Dari A-Z*. Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn Bhd.
- Espeland, P. dan Verdict, E (2007). *Dude, That's Rude! (Get Some Manners)*. Hong Kong: Free Spirit Publishing Inc.
- Eunsook Hong, Sas, M. & Sas, J. C. (2006). *Test-Taking Strategies of High and Low Mathematics Achievers*. *The Journal of Educational Research*, 99:3, 144-155
- Fahrur Muis (2012). *Amalan 24 Jam Wanita Haid*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Feinberg, J.M. (2009). *Perception of Cheaters: The Role of Past and Present Academic Achievement*, *Ethics & Behavior*, 19:4, 310-322
- Fitzpatrick, J.J. & Wallace, M. (2006). *Encyclopedia of Nursing Research*. New York: Springer Publishing Company. Inc.
- Fraenkel, J.R. dan Wallen, N.E. (2006). *How To Design And Evaluate Research In Education. (6th. Ed.)*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Frank-Strombong, M. dan Olsen, J.S. (2004). *Instruments For Clinical Health-Care Research*. Mississauga: Jones and Bartlett.
- Gay, L.R, Mills, G.E dan Airasian, Peter. (2009). *Educational Research: Competencies For Analysis And Applications*. New Jersey: Pearson Education International.
- Genevy Septy Anak Uning (2006). *Kajian Ke Atas Faktor- Faktor Yang Mempengaruhi Kelemahan Pelajar- Pelajar Sekolah Berasrama Penuh Dalam Matematik Tingkatan Satu* Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Gillham, B. (2010). *Case Study Research Methods*. New York: Bloomsbury Publishing.
- Glenn, S. (2010). *A Kick In The Attitude: An Energizing Approach To Recharge Your Team, Work and Life*. New Jersey: John Wiley & Sons. Inc.
- Gratton, C. & Jones, I. (2004). *Research Methods For Sports Study*. USA: Routledge.
- Green, R.A. (2011). *Case Study Research: A Program Evaluation Guide For Librarians*. USA: Libraries Unlimited.
- Grove, Susan K., Burns, Nancy dan Gray, Jennifer R. (2013). *The Practice Of Nursing Research Appraisal, Synthesis And Generation Of Evidence*. Missouri: Elsevier.Inc.

- Hairunnaja Najmudin (2005). *Memahami Dan Membimbing Remaja Nakal*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Harrison Hao Yang & Steve Chi-Ying Yuen (2010). *Handbook of Research On Practices And Outcomes in E-Learning: Issues and Trends*. New York: Information Science Reference.
- Hartina Ahmed Tharbe (2008). *Memimpin Kaunseling Kelompok*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Hasan Mohd Ali (1996). *Strategi Belajar Yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hayden, J. (2014). *Introduction to Health Behavior Theory*. Burlington: Jones & Bartlett Learning.
- Imam al-Ghazali (2012). *Mukhtasar Ihya' Ulumuddin*. Terjemahan Ibnu Yasin. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Imam al-Ghazali (2013). *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*. Terjemahan Ustaz Sharhan Syafie. Batu Caves: Pustaka Al-Ehsan.
- Imam al-Ghazali (2014). *Ihya' Ulumuddin Jilid 1*. Terjemahan Muhammad Akhyar LC dan Drs. Syahrin bin Jasah. Kuala Lumpur: Pustaka al Shafa.
- Imam al-Ghazali (2015). *Bidayatul Hidayah*. Terjemahan Muhammaad Nasir. Batu Caves: Pustaka Al Ehsan.
- Imam Ghazali (1991). *Kepada Anakku Dekati Tuhanmu*. Terjemahan A Mudjab Mahali. Jakarta: Gema Insani.
- Ishak bin Osman (1991). *Pola Pendekatan Belajar Di Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ismail bin Ibrahim (1999). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Akademik, Disiplin Dan Minat Pelajar SBP Di Pahang*. Skudai, Johor: UTM.
- Jackson, S.L. (2009). *Research Methods And Statistics: A Critical Approach*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Jamaludin Ahmad (2008). *Modul Dan Pengendalian Bimbingan Kelompok*. Serdang: UPM
- Jamaludin Ahmad (2012). *Modul Motivasi Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jas Laile Suzana Jaafar (2008). *Psikologi Kanak-Kanak Dan Remaja*. Shah Alam : Arah Pendidikan Sdn Bhd.

- Jillian J Francis, Martin P Eccles, Marie Johnston, Anne Walker, Jeremy Grimshaw, Robbie Foy, Eileen F S Kaner, Liz Smith, Debbi Bonettie (2004). *Constructing Questionnaires Based On The Theory Of Planned Behaviour*. Newcastle upon Tyne: Quality of Life And Management of Living Resources.
- Jing Jian Xiao (2008). *Handbook of Consumer Finance Research*. New York: Springer Science + Business Media.
- Johnson, R.B dan Christensen, L. (2014). *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches*. USA: SAGE Publications.
- Kassin, S., Fein, S. & Markus, H.R. (2010). *Social Psychology*. Belmont: Cengage Learning.
- Kavalchick, A. & Dawson, K. (2004). *Education and Technology An Encyclopedia Volume 1: A-1*. Santa Barbara: ABC-CLIO, Inc. .
- Kementerian Kewangan Malaysia (2011). *Bajet 2011*. Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012, Julai 29). *Sistem Pendidikan Malaysia*. Retrieved from Portal Rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia: <http://www.moe.gov.my>
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2016). *Panduan Permohonan Kemasukan Murid Ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia. <http://www.moe.gov.my/my/syarat-kemasukan-sbp>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM (2012). *Laporan Awal Ringkasan Eksekutif: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*: Putrajaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Dasar Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: KPM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012, Oktober 27). *Falsafah Pendidikan*. Retrieved from Portal Rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia: www.moe.gov.my

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Rancangan Malaysia Kesepuluh : Membangun dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia*. Kuala Lumpur: KPM.
- Khairudin Shaary (2013). *Halalan Tayyiban*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd
- Kiyai Haji Muhammad Hashim Asy'ari (2011). *Faktor Adab Dalam Meraih Berkat Ilmu*. Terjemahan Kitab Adabul 'Alim Wa Al-Muta'alim. Kuala Lumpur: Pelima Media Sdn. Bhd.
- Klenke, K. (2008). *Qualitative Research In The Study Of Leadership*. UK: Emerald Group Publishing Limited.
- Klenke, K. (2008). *Qualitative Research In The Study Of Leadership*. United Kingdom: Emerald Group Publishing Limited.
- Klop et. al (2010). *Effects of a Science Education Module on Attitudes towards Modern Biotechnology of Secondary School Students*. International Journal of Science Education, 32:9, 1127-1150
- Kothari, C.R (2004). *Research Methodology Methods & Techniques*. New Delhi: New Age International (P) Ltd.
- Krejcie, W. R & Morgan, W. D (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30, 607-610.
- Linarce, J.M. (2005). *Measurement, Meaning And Morality (Electronic Version)*. *Rasch Research Papers, Explorations And Explanations: Research Papers And Memoranda*. retrived 5th March from <http://www.rasch.org/memo71.pdf>.
- Lodico, G.M, Spaulding, T.D dan Voegtler, H.K (2006). *Methods in Educational Research: From Theory To Practice*. San Francisco: Jossey Bass
- Mahmud Nashar (2009). *Adab Makan & Minum Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur: Pustaka Shuhada.
- Marshall, C. dan Rossman, G.B (2015). *Designing Qualitative Research*. USA: SAGE Publications.
- Martin, L.R. & Dimmatteo, M.R. (2014). *The Oxford Handbook of Health Communicator, Behavior Change and Treatment Adherence*. New York: Oxford University Press.
- Mastura Mahfar (2011). *Kesan Modul Pendidikan Rasional Emotif Terhadap Kepercayaan Tidak Rasional Dan Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh Di Johor, Malaysia*. Tesis PhD Universiti Putra Malaysia, Serdang.

- McMillan, J. & Corner (2006). *Research education: Evidence-based inquiry. (6th edition)*. United State of America: Pearson Education, Inc. .
- McNabb, E.D (2008). *Research Methods in Public Administration and Non Profit Management: Quantitative and Qualitative Approaches*. New York: M.E. Sharpe.Inc.
- Megat Aman Zahiri, Nurul Shuhadah Abdul Rahman. (2010). *Pembangunan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK) Bagi Topik Bulatan Matematik Tingkatan 2 Berasaskan Teori Konstruktivisme*. Skudai, Johor: UTM.
- Michael, C.W. Y. (2009). *Differences between high and low academic achieving university students in learning and study strategies: a further investigation*, Educational Research and Evaluation: An International Journal on Theory and Practice, 15:6, 561-570
- Mohamad Roslan Aroff (2007). *Konsep Kendiri dan motivasi pelajar cemerlang penilaian menengah rendah*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir (2014). *Memburu Keberkatan Ilmu*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Mohd Azhar Abdul Hamid (2003). *Meningkatkan Daya Fikir*. Batu Caves: PTS Professional Sdn Bhd.
- Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Sharani Ahmad (2004). *Psikologi Kanak-Kanak*. Selangor: PTS Professionals Sdn. Bhd
- Mohd Sofian Omar Fauzee dan Rahim Abdullah (2006). *Membentuk Sikap Cemerlang*. Klang: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad (2011). *Kaedah Dan Strategi Pengajaran Kanak-Kanak Berkeperluan Khas*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mokhtar Ismail (2011). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muchnick, C.C. (2011). *Guide To Study Skills*. USA: Advantage quest Publications.

- Muhaya Mohamad (2012). *Bagaimana Menjadi Seorang Pelajar Yang Baik & Berjaya*. Kajang: As-sohwah Enterprise.
- Muhd Kamil Ibrahim dan Roza Roslan (2014). *Travelog Haji Mengusik Hati*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Mustafa, A. (2008). *Case Study Method: Theory & Practice*. New Delhi: Atlantic Publishers & Distributors (P) LTD.
- Musthafa Dib Al-Bugha (2007). *Al Wafi: Syarah Hadiths Arbain Imam An-Nawawi*. Damaskus: Dar Al Musthafa.
- Noraini Idris dan Noraini Kaprawi (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan : Kajian Tinjauan*. Shah Alam: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Norlia Harun, Faizah Abd Ghani dan Khairudin Sapar (2013). *Faktor Ketidacemerlangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pendidikan Dan Kaunseling 2013*. 6-7 Mac 2013. Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat: Perkama Konsultan, 295-299
- Osman Affan (2013). *Persediaan Minda Untuk Menjadi Pelajar Cemerlang*. Batu Caves: PTS Millenia Sdn Bhd.
- Othman Ab. Rahman (2006). *Kesan Program Latihan Pembimbing Rakan Sebaya ke Atas Konsep Kendiri, Kemahiran Belajar Dan Orientasi Belajar Di Kalangan Sekumpulan Pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh*. Tesis PhD Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Perse, T. V. , Kozina, A. & Leban, T. R. (2011). *Negative school factors and their influence on math and science achievement in TIMSS 2003*, Educational Studies, 37:3, 265-276
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia (2014). *Maksiat Daripada Perspektif Islam*. Majlis Fatwa Malaysia. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/maksiat-dari-perspektif-islam>
- Portal rasmi SBP. (2012). *SBP seluruh Malaysia*. Kuala Lumpur: BPSBPDSK, KPM.
- Quendler, S. (2002). *The Link Between Nutrition, Physical Activity And Academic Achievement*. Austria: ILSI CHP, Atlanta.
- Rashidah Alias (2007). *Kesan Tempoh Amalan Corak Pemakanan Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 4 Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Batu Rakit*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

- Rothwell, W.J., Butler, M.N., Hunt, D.L, Li, J., Maldonado, C., Peters, K., King Stern, D.J. (2006). *The Handbook of Training Technologies*. San Francisco : John Wiley & Sons , Inc.
- Rovari, P.A, Baker, D.J dan Ponton, K.M (2014). *Social Science Research Design And Statistics: A Practioner's Guide To Research Methods And IBM SPSS Analysis*. Chesapeake: Watertree Press LLC.
- Rozmi Ismail (2013). *Metodologi Penyelidikan: Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbitan UKM.
- Rusell, J.D. (1974). *Modular Instruction: A Guide to the Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*. New York: Publishing Company.
- Saayah Abu (2008). *Menjadi Guru Tadika*. Selangor: PTS Publications And Distributors Sdn. Bhd.
- Salkind, J.N. (2007). *Encyclopedia Of Measurement And Statistics*. USA: SAGE Publications.
- Salkind, J.N. (2010). *Encyclopedia Of Research Design*. USA: SAGE Publications.
- Shahabudin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan (2003). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professionals Sdn Bhd
- Shank, P. dan Amy, S. (2004). *Making Sense of Online Learning: A Guide For Beginners And The Truly Skeptical*. San Francisco: John Wiley And Sons, INCs
- Shankar, P.R, Singh, K.K. & Piryani, R.M. (2012). *Knowledge, Attitude And Skills Before And After A Module On Pharmaceutical Promotion In A Nepalese Medical School*. BMC Research Notes 2012 5:8.
- Sidek Baba (2007). *Wahai Remaja: Kembaramu Bermula Di Sini*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn Bhd.
- Sidek Mohd Noah (2001). *Perkembangan Kerjaya: Teori Dan Praktis*. Serdang: Perkhidmatan Percetakan Fakulti Pengajian Pendidikan.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit UPM.
- Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2015). *Pembinaan Modul : Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang: Penerbitan UPM.

- Singh, Y.K dan Bajpai, R.B (2008). *Research Methodology: Teqniques And Trends*. New Delhi: A P H Publishing Corporotion.
- Siti Nor Bahyah Mahamood, Zahazan Mohamed dan Mahfuzah Omar (2006). *100 Adab Petua Kecemerlangan Pelajar*. Puchong: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Stangor, Charles. (2014). *Research Methods For The Behavioral Sciences*. USA: Cengage Learning.
- Stephen, G. (2003). *Research Design*. London : SAGE Publications Ltd.
- Sulaiman Masri (2005). *Tuju Cemerlang Peperiksaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Syekh Abdul Hamid al Bilali (2005). *Renungan Ba'da Subuh*. Jakarta: almahira.
- Syukri Abdullah (2010). *Anakku Dapat Semua A*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Tajul Ariffin Nordin, Roslee Ahmad dan Rahimawati Abdul Rahim (2007). *Membina Pelajar Cemerlang Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Thilaga Valli a/p P.Sivagnanamn (2004). *Gaya Pembelajaran Pelajaran Sains Tingkatan 4 Di Sebuah Sekolah Berasrama Penuh Satu Kajian Kes*. Tesis Master, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Toh Hoon Leong (2000). *Rahsia Pelajar Cemerlang*. Klang: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Tony Buzan (2007). *Panduan Kemahiran Belajar Buzan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Tuckman, B.W. dan Waheed, M.A. (1981). *Evaluating An Individualized Science Programme For Community College Student*. Journal of Research in Science Teaching 18: 489-495
- Umar Mohd Yusof (1980). *Kitab Adab Darjah 1*. Johor Bahru: Jabatan Agama Johor.
- Unit Peperiksaan SBP Johor (2016). *Analisis Keputusan SPM SBP 2015*. SM Sains Batu Pahat, Johor.
- Victor, C.X.W dan Katheleen, P.K. (2009). *Fundamentals of Human Performance And Training*. USA: Age Publishing Inc.
- Wilkinson, D dan Birmingham, P. (2003). *Research Instruments A Guide For Researcher*. USA: RoutledgeFalmer.

- Williams-Boyd, P. (2003). *Middle Grades Education*. California: Library of Cataloging In Publication Data.
- Wright, B.D., dan Masters, G.N. (1982). *Rating Scale Analysis*. Chicago: Mesa Press.
- Yin, K.R. (2003). *Applications Of Case Study Research Second Edition*. USA: Sage Publications.
- Zainol dan Kamil (2010). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan*. Jurnal Pengurusan (30) MS 49-61. UUM.
- Zuraidah Abdul Rahman (1989). *Pengenalan Kaunseling Kelompok*. Petaling Jaya : IBS Buku Sdn. Bhd.